ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI
*Membudayakan Masyarakat Bermaklumat*

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"DAN belanjakanlah (harta yang ada pada kamu) pada jalan Allah dan janganlah kamu sengaja menjerumuskan diri kamu sendiri ke dalam kebinasaan. Dan berbuat baiklah kamu kerana sesungguhnya Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebaikan".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 195.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.33 | SUBUH 4.43 | SYURUK 6.08 | DUHA 6.32 | ZUHUR 12.21 | ASAR 3.46 | MAGHRIB 6.31 | ISYAK 7.47 | Daerah Belait ditambah 3 minit, Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 69 | 9 JUN 2025 / 1446 ذوالحجة 12 | JABATAN PENERANGAN | EDISI ISNIN / PERCUMA

# BERKENAN MENYEMPURNAKAN PENYEMBELIHAN IBADAH KORBAN

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin

**KIARONG**, Sabtu, 7 Jun. - Sebanyak 206 ekor haiwan korban iaitu 192 ekor sapi dan 14 ekor kambing telah dikorbankan sempena Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan kerabat baginda bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi.

>> Muka 4



**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menyempurnakan penyembelihan ibadah korban. - Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said.**

## Tawaran pengambilan pelajar Tahun 7 ITQSHHB kini dibukakan

Siaran Akhbar :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 8 Jun. - Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) membukakan Tawaran Pengambilan Pelajar Baharu (Peringkat Menengah Tahun 7) ITQSHHB bagi Sesi 2026 Masihi bermula pada Isnin, 9 Jun 2025 hingga Sabtu, 2 Ogos 2025.

Pemohon yang berminat bolehlah mengisikan borang permohonan secara dalam talian melalui pautan *pendaftaranitqshhb.my.canva.site* atau imbas melalui QR yang disertakan bersama ini.

Bagi pemohon yang mempunyai kesulitan untuk mengisi borang dalam talian, pihak ITQSHHB akan menyediakan bantuan kepada pemohon untuk mengisi borang dalam talian dengan pemohon hendaklah hadir ke Blok Pentadbiran, ITQSHHB, Simpang 175, KM 2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Bandar Seri Begawan.

>> Muka 9

## MPK Belimbing anjur Majlis Ibadah Korban, Akikah

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland

**KAMPUNG BELIMBING**, Ahad, 8 Jun. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Belimbing menganjurkan Majlis Ibadah Korban dan Akikah bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang diadakan di Gerai Muafakat Tasik Sarubing Kampung Belimbing, hari ini.

Sehubungan itu, hadir menyempurnakan penyampaian daging kepada peserta-peserta dan wakil penerima termasuk golongan asnaf dan anak yatim ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Daud bin Jihan, Ketua Kampung Belimbing yang juga selaku Pengerusi MPK Belimbing.

Terdahulu, acara dimulakan dengan takbir dan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Awang Haji Nordin bin Haji Duraman diikuti dengan penyampaian daging korban dan akikah kepada para penerima.

Penyembelihan haiwan korban bermula pada pukul 3.00 pagi di pusat penyembelihan dan daging-daging tersebut kemudian dibawa ke Kampung Belimbing untuk kerja gotong-royong.

>> Muka 6

## Raih ganjaran pahala, keberkatan ibadah korban

Oleh : Marlinawaty Hussin

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 8 Jun. - Bersempena dengan Sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini, Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Serdang mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di masjid berkenaan, pagi tadi.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pengagihan daging korban, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Turut hadir, Penaung AJKT Masjid Serdang, Yang Dimuliakan Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Awang Haji Hamidon bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid dan Penghulu Mukim Kota Batu, Awang Rasli bin Taram.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Imam Masjid Serdang, Awang Haji Muhd. Syariff Waliyuddin bin Jemain.

Seramai 33 orang golongan asnaf fakir miskin dari Kampung Sungai Belukut, Kampung Serdang dan Kampung Sungai Matan menerima agihan daging korban dalam majlis keagamaan berkenaan.

>> Muka 7

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



192 sapi, 14 kambing dikorbankan sempena Hari Raya Aidiladha

Muka 5



IBADAH korban memperkukuh ukhuwah masyarakat

Muka 7



JEMAAH haji DSSB selesai melaksanakan ibadah melontar Jamrah

Muka 9



RENCANA

PELIHARA kelestarian laut

Muka 21

# Nasihat agama perlu menepati kehendak syarak Ahli Sunnah Waljamaah, tidak mencerca, menghasut

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh**
**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihiee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyarafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.**
**Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walillahil Hamd.**

**AIDILADHA** adalah merujuk kepada peristiwa berkorban Nabi Ibrahim dan putera Baginda Nabi Ismail 'Alaihumassalam. Dua beranak ini telah menunjukkan contoh, bagaimana cara untuk mematuhi perintah Allah, sekalipun perintah itu amat berat untuk dibuat.

Inilah juga yang kita umat Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dituntut untuk melakukannya, iaitu apa yang disuruh oleh Allah (oleh agama) hendaklah dibuat dan yang dilarang hendaklah ditinggalkan.

Perkara ini telah diperingatkan oleh Allah dalam Surah Al-Baqarah, ayat 206, tafsirnya :

"*Apabila dikatakan kepadanya : "Bertakwalah engkau kepada Allah", maka timbullah kesombongannya dengan (meneruskan) dosa (yang dilakukannya). Oleh itu padanlah dia (menerima balasan azab) api Neraka Jahanam dan demi sesungguhnya (Neraka Jahanam itu) adalah seburuk-buruk tempat tinggal*".

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd.**

Oleh agama, kita telah dituntut untuk mengamalkan sikap nasihat-menasihati. Oleh itu, di kalangan umat, mestilah ada golongan yang menyuruh kepada kebajikan dan melarang dari kejahatan. Dalam makna, mana-mana orang atau pihak yang berkuasa melakukannya, hendaklah dia melakukannya, jika tidak, dia akan dianggap berdosa, kerana berdiam diri tidak menolong agama Allah.

Ini selaras dengan janji Allah dalam Surah Muhammad, ayat 7, tafsirnya :

"*Wahai orang-orang yang beriman, jika kamu menolong Allah (menolong agama-Nya), nescaya Dia akan menolong kamu dan menetapkan pendirian kamu*".

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd.**

Oleh itu, beta berseru kepada para Da'ie atau Mubaligh dan orang-orang yang dipikulkan amanah untuk memelihara ugama, supaya mereka menyampaikan nasihat-nasihat agama, dengan jujur dan ikhlas tanpa ragu-ragu atau takut-takut.

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar, Walillahil Hamd.**

Dalam zaman yang serba kacau ini, nasihat-nasihat ugama adalah sangat-sangat diperlukan, asal sahaja nasihat-nasihat itu menepati kehendak-kehendak syarak aliran Ahli Sunnah Waljamaah dan pendekatan yang digunakan pula tidak berunsur mencerca atau menghasut.

Kerana itu dalam menjalankan tugas seperti berdakwah, adalah mustahak untuk memasang niat bagi menyelamatkan orang yang dinasihati daripada dosa dan kecelakaan yang amat dahsyat di akhirat.

Di saat yang bersukut baik ini, beta ingin mengambil kesempatan mendoakan para jemaah haji kita yang sedang berada di Tanah Suci, semoga mereka berada dalam sihat-sihat sahaja dapat menunaikan ibadat dengan sempurna.

>> Muka 4



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa berkenan mengurniakan Titah Perutusan bersempena Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi di Istana Nurul Iman.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| JUN MASIHI | HARI | ZULHIJAH HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 9 | ISNIN | 12 | 4.33 | 4.43 | 6.08 | 6.32 | 12.21 | 3.46 | 6.31 | 7.47 |
| 10 | SELASA | 13 | 4.33 | 4.43 | 6.08 | 6.32 | 12.21 | 3.46 | 6.32 | 7.47 |
| 11 | RABU | 14 | 4.33 | 4.43 | 6.08 | 6.32 | 12.21 | 3.47 | 6.32 | 7.48 |
| 12 | KHAMIS | 15 | 4.33 | 4.43 | 6.08 | 6.32 | 12.21 | 3.47 | 6.32 | 7.48 |
| 13 | JUMAAT | 16 | 4.33 | 4.43 | 6.08 | 6.32 | 12.21 | 3.47 | 6.32 | 7.48 |
| 14 | SABTU | 17 | 4.34 | 4.44 | 6.08 | 6.33 | 12.22 | 3.48 | 6.33 | 7.48 |
| 15 | AHAD | 18 | 4.34 | 4.44 | 6.09 | 6.33 | 12.22 | 3.48 | 6.33 | 7.49 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | ISNIN | SELASA | RABU |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Pekan Tutong | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |
| Kuala Belait | 32 25 °C | 32 25 °C | 32 25 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

9 JUN 2025

### Menjamin keselamatan makanan demi kesihatan masyarakat

**KESELAMATAN** makanan merujuk kepada amalan yang memastikan makanan yang dimakan adalah bersih, selamat dan tidak membahayakan kesihatan. Hal ini penting untuk mengelakkan penyakit bawaan makanan seperti keracunan, jangkitan bakteria dan masalah kesihatan lain. Dalam kehidupan seharian, kita sering mengambil mudah tentang kebersihan makanan, sedangkan kesilapan kecil dalam penyediaannya boleh membawa kesan yang serius.

Bersempena dengan Hari Keselamatan Makanan Sedunia pada tahun ini dengan bertemakan 'Keselamatan Makanan: Sains Beraksi (Food Safety: Science in Action)' adalah bertujuan untuk mengingatkan kita mengenai peranan penting yang dimainkan oleh sains dalam teknologi dan penghasilan produk makanan.

Ia membantu inovasi dan meningkatkan kecekapan pemprosesan serta penghasilan produk makanan. Selain itu, sains juga merupakan asas atau bukti saintifik dalam tindakan kawalan keselamatan makanan bagi menangani krisis keselamatan makanan domestik dan global.

Sains membantu kita mengesan bahan pencemar dalam makanan, memperbaiki cara perladangan dan bertindak cepat terhadap risiko baharu sebelum makanan sampai kepada kita. Di sebalik setiap pemeriksaan dan piawaian, ramai pakar menggunakan bukti saintifik dan teknologi untuk melindungi kesihatan kita. Dengan sains, keselamatan makanan dapat dijamin untuk kebaikan semua. Makanan yang tidak selamat boleh menyebabkan penyakit dan kematian, terutama pada golongan berisiko.

Antara aspek utama dalam keselamatan makanan ialah kebersihan diri dan persekitaran. Setiap individu yang mengendalikan makanan perlu mencuci tangan dengan sabun sebelum dan selepas menyediakan makanan. Peralatan seperti pisau, papan pemotong dan permukaan dapur juga harus sentiasa bersih. Selain itu, makanan perlu dilindungi daripada pencemaran seperti habuk, serangga dan haiwan peliharaan.

Memasak dengan suhu yang mencukupi adalah satu lagi langkah keselamatan penting. Makanan seperti ayam dan daging perlu dimasak sepenuhnya untuk membunuh bakteria. Selain itu, makanan lebihan perlu dipanaskan semula dengan betul sebelum dimakan. Penyimpanan makanan juga memainkan peranan besar; makanan panas hendaklah disimpan pada suhu melebihi 60°C manakala makanan sejuk perlu disimpan di bawah 5°C.

Akhir sekali, pemilihan bahan mentah yang berkualiti dan air bersih turut menyumbang kepada keselamatan makanan. Kita harus sentiasa memeriksa tarikh luput dan keadaan fizikal bahan mentah sebelum digunakan. Air yang digunakan untuk memasak dan mencuci bahan mentah perlu bersih dan bebas dari pencemaran.

Kesimpulannya, Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia bukan sekadar satu acara simbolik, sebaliknya ia mengingatkan semua pihak bahawa keselamatan makanan adalah hasil daripada tindakan saintifik yang terancang dan tanggungjawab kolektif. Oleh itu, marilah kita bersama-sama mengamalkan langkah-langkah keselamatan makanan berasaskan sains demi masa depan yang lebih sihat dan selamat. - **Ketua Penyuntingan (Na)**



pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نڬارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# BERANGKAT MENUNAIKAN SEMBAHYANG SUNAT AIDILADHA





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha 1446 Hijrah. Juga berangkat, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (atas, kanan dan bawah kiri).**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**KIARONG**, Sabtu, 7 Jun. - Suasana penuh syukur dan keinsafan menyelubungi bumi Darussalam apabila pujian takbir, tasbih dan tahmid kembali bergema, menandakan tibanya Hari Raya Aidiladha 1446 Hijrah. Laungan tersebut menjadi simbol rasa kesyukuran umat Islam ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpahan rahmat dan nikmat-Nya.

Dalam sama-sama mensyukuri nikmat yang kita raikan ini, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri (JPM) berkenan berangkat menyertai bersama jemaah di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong bagi menunaikan Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha 1446 Hijrah.

Berangkat sama, paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota dijunjung oleh Yang Di-Pertua Adat Istiadat Negara, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris bin Pengiran Maharaja Lela Pengiran Muda Abdul Kahar; Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman; Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof; Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar; Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad; Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan.

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha Berjemaah diimamkan oleh Ketua Hakim Syarie, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Paduka Seri Utama Dato Paduka Seri Setia Haji Awang Salim bin Haji Besar.

Manakala Khutbah Sunat Hari Raya Aidiladha dibacakan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Awang Haji Hassan bin Haji Metali.

Yang Arif Awang Haji Hassan dalam khutbah pertamanya menegaskan harta pusaka wajib dibahagikan mengikut hukum syarak, bukan hanya faraid mahkamah.

Beliau seterusnya menjelaskan terdapat dalam kalangan ahli waris yang membolot harta secara licik, termasuk menyalahgunakan amanah sebagai pentadbir, malah menggunakan harta tanpa kebenaran - terutama yang melibatkan anak yatim. Harta pusaka merangkumi semua peninggalan si mati, termasuk barang peribadi.

Tambahnya lagi, pembahagian seharusnya dilakukan secara adil dengan persetujuan semua ahli waris, mengikut prinsip syariah untuk mengelak penindasan, khususnya terhadap anak yatim.

Dalam khutbah keduanya, Yang Arif Awang Haji Hassan menjelaskan mengenai ibadah korban. Menurut Mazhab Imam al-Syafii, hukum ibadah korban adalah sunat *muakkadah*, terangnya.

Beliau kemudiannya menjelaskan binatang yang hendak dikorbankan itu hendaklah terdiri daripada unta, lembu, kambing, kibas dan biri-biri dengan syarat binatang yang hendak dikorbankan itu hendaklah selamat daripada aib iaitu kecacatan menurut hukum syarak.

Beliau seterusnya menerangkan dengan adanya ibadah korban, ia menghidupkan semangat ukhuwah, kerjasama dan bantu-membantu antara satu sama lain.

Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha diadakan secara serentak di masjid-masjid utama, surau dan balai ibadat di seluruh negara bermula pukul 7.30 pagi dengan kehadiran para jemaah yang turut sama menyemarakkan hari kebesaran Islam ini.

Hari Raya Aidiladha bukan sekadar sambutan bahkan mengangkat erti keikhlasan dan pengorbanan, sebagaimana dicontohkan oleh Nabi Ibrahim Alaihissalam dan Nabi Ismail Alaihissalam, menjadi inspirasi dalam kehidupan seharian umat Islam.



**HAKIM Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Awang Haji Hassan bin Haji Metali ketika menyampaikan khutbah (bawah). Manakala gambar kanan dan kanan sekali, antara jemaah yang hadir pada Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha.**







# BERKENAN MENYEMPURNAKAN PENYEMBELIHAN IBADAH KORBAN





**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan berangkat ke Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri dan kerabat baginda bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi. Berangkat sama ialah paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik (atas dan atas kiri).**

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohamad Azmi Haji Awang Damit, Haji Ariffin Mohd. Noor / Morshidi, Mohd. Sahrizal Haji Said, Muhammad Asri Haji Awang Abas**

>> Muka 1

Sebahagian daripada daging korban tersebut telah diagihkan kepada 15,054 penerima terdiri daripada golongan asnaf fakir dan miskin serta tanggungan mereka di seluruh negara.

Majlis penuh keberkatan ini berlangsung pada pagi Hari Raya Aidiladha bertempat di pekarangan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Kampung Kiarong, sejurus selepas Sembahyang Sunat Hari Raya Aidiladha.

Berangkat ke majlis tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Berangkat sama ialah paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ke pekarangan Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah dijunjung oleh Pengerusi-pengerusi Bersama Jawatankuasa Tertinggi Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1446H / 2025M.

Pada majlis tersebut, dua ekor kambing disempurnakan penyembelihannya oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota serta paduka adinda Duli Yang Teramat Mulia.

Manakala penyembelihan haiwan-haiwan korban Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta kerabat baginda yang selebihnya disempurnakan di dua buah syarikat yang dilantik iaitu Syarikat Mohammed Norfaidzal bin Haji Zainuddin dan Anak-anak dan Syarikat PDS Abattoir Sdn. Bhd.

Antara fadilat ibadah korban menurut Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah menambah amal kebajikan, sesuai dengan sabda Baginda, "*Daripada Aisyah Radiallahuanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : Tidak ada amalan anak Adam di hari Nahr (Aidiladha) yang lebih dicintai Allah Subhanahu Wata'ala daripada mengalirkan darah (korban). Sesungguhnya korban itu akan datang pada Hari Kiamat dengan tanduk-tanduknya, bulu-bulunya dan kuku-kukunya. Dan darahnya akan sampai di sisi Allah Subhanahu Wata'ala sebelum menetes ke bumi. Maka, bersihkanlah jiwa kalian dengan berkorban*". Hadis Riwayat Muslim.

"*Korban itu bagi tuannya dengan setiap bulunya adalah kebajikan*". (Hadis riwayat Tirmidzi, Ibnu Majah dan al-Hakim).







**DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berkenan menyempurnakan penyembelihan ibadah korban (atas), manakala gambar kiri dan kiri sekali, antara yang hadir pada majlis berkenaan ialah Yang Berhormat Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri.**

## HASRAT NEGARA

>> Muka 2

Alhamdulillah dalam menyambut Hari Raya Aidiladha yang mulia ini, dengan penuh rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dan penghargaan yang mendalam, beta ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh rakyat jelata yang beta kasihi serta ketua-ketua negara dan kerajaan dan juga para dif-dif kerabat. Segala doa dan ingatan baik yang diberikan semasa beta berehat, setelah menghadiri Mesyuarat ASEAN dan Mesyuarat Berkaitan di Kuala Lumpur, Malaysia, adalah amat-amat beta hargai. Ucapan terima kasih yang sama juga beta tujukan kepada pihak Institut Jantung Negara Malaysia atas layanan yang amat baik sepanjang keberadaan beta di sana.

Akhirnya, beta dengan amat sukacita mengucapkan Selamat Hari Raya Aidiladha kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di mana sahaja mereka berada, dengan harapan semoga sekaliannya dalam keadaan bahagia menyambut Aidiladha.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*

# 192 SAPI, 14 KAMBING DIKORBANKAN SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

**MULAUT**, Sabtu, 7 Jun. - Kerja-kerja proses penyembelihan dan melapah serta pembungkusan bagi haiwan ibadah korban sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi telah dilaksanakan di dua buah syarikat tempatan, hari ini.

Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah melantik dua syarikat, iaitu Syarikat Mohammed Norfaidzal bin Haji Zainuddin dan Anak-anak, Lot G, Projek Ladang Ternakan Lampaki, Jalan Mulaut Lampaki, Kampung Mulaut dan Syarikat PDS Abattoir Sendirian Berhad, bertempat di Tapak Perusahaan Rumah Penyembelihan, di Kawasan Pertanian Kampung Batang Mitus, Mukim Kiudang, Tutong sebagai pembekal haiwan korban.

Hadir bagi meninjau kerja-kerja proses berkenaan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Haji Mohammad Rosli bin Haji Ibrahim; Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan) KHEU, Awang Haji Shamshol bin Haji Omar; dan Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) KHEU, Awang Misle bin Haji Abdul Karim.



**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama meninjau kerja-kerja proses penyembelihan dan melapah serta pembungkusan daging korban (kanan). Manakala gambar bawah kiri dan bawah kanan, proses pembungkusan dan pengagihan daging korban untuk diagihkan ke beberapa lokasi.**





Sebanyak 206 ekor haiwan korban, iaitu 192 ekor sapi dan 14 ekor kambing telah dikorbankan sempena Majlis Ibadah Korban Sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri serta kerabat baginda bagi Tahun 1446H / 2025M.

Sebahagian daripada daging korban berkenaan diagihkan kepada seramai 15,054 penerima terdiri daripada golongan asnaf fakir dan miskin serta tanggungan mereka di seluruh negara.

Sementara itu, proses pengagihan dilaksanakan di beberapa buah lokasi di seluruh negara, iaitu enam lokasi bagi Daerah Brunei dan Muara, dua lokasi bagi Daerah Belait, dua lokasi bagi Daerah Tutong dan sebuah lokasi bagi Daerah Temburong.

Dua buah syarikat berkenaan dipilih untuk membekalkan haiwan-haiwan yang berkualiti yang kebanyakannya didatangkan dari wilayah Australia.

Syarikat-syarikat berkenaan turut menyediakan perkhidmatan penyembelihan semasa korban mengikut kehendak undang-undang syariat Islam yang ketat serta kebersihan dan kualiti yang terjamin.

Di samping itu juga, syarikat berkenaan membekalkan daging segar dan beku ke pasar raya-pasar raya dan restoran-restoran di negara ini.

# Proses penyembelihan, melapah, pembungkusan haiwan korban berjalan lancar

**Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BATANG MITUS**, Sabtu, 7 Jun. - Fadilat ibadah korban menurut Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam ialah menambah amal kebajikan, sesuai dengan sabda Baginda, Daripada Aisyah Radiallahuanha, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "*Tidak ada amalan anak Adam di hari Nahr (Aidiladha) yang lebih dicintai Allah Subhanahu Wata'ala daripada mengalirkan darah (korban). Sesungguhnya korban itu akan datang pada Hari Kiamat dengan tanduk-tanduknya, bulu-bulunya dan kuku-kukunya. Dan darahnya akan sampai di sisi Allah Subhanahu Wata'ala sebelum menetes ke bumi. Maka bersihkanlah jiwa kalian dengan berkorban*". Hadis Riwayat Muslim.

Sehubungan itu, kerja-kerja proses penyembelihan dan melapah serta pembungkusan bagi haiwan ibadah korban sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha binti Al-Marhum Pengiran Pemancha Pengiran Anak Haji Mohamed Alam serta kerabat baginda sempena Hari Raya Aidiladha Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi telah dilaksanakan oleh Syarikat PDS Abattoir Sendirian Berhad, bertempat di Tapak Perusahaan Rumah Penyembelihan, di Kawasan Pertanian Kampung Batang Mitus, Mukim Kiudang, Tutong.

Bagi melancarkan kerja-kerja proses penyembelihan dan melapah serta pembungkusan khusus bagi ibadah korban sunat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha serta kerabat baginda pada tahun ini, Kementerian Hal Ehwal Ugama telah melantik dua syarikat, iaitu Syarikat Mohammed Norfaidzal bin Haji Zainuddin dan Anak-anak, Lot G, Projek Ladang Ternakan Lampaki, Jalan Mulaut Lampaki, Kampung Mulaut dan Syarikat PDS Abattoir Sendirian Berhad, bertempat di Tapak Perusahaan Rumah Penyembelihan, di Kawasan Pertanian Kampung Batang Mitus, Mukim Kiudang, Tutong untuk membekalkan haiwan-haiwan yang berkualiti yang kebanyakannya didatangkan dari wilayah Australia untuk pembekal haiwan korban.



**PROSES penyembelihan dan melapah serta pembungkusan khusus dijalankan di Tapak Perusahaan Rumah Penyembelihan, di Kawasan Pertanian Kampung Batang Mitus, Mukim Kiudang, Tutong.**



**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama dan Yang Mulia Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi) hadir menyaksikan kerja-kerja proses berkenaan.**

Syarikat-syarikat yang telah dilantik berkenaan juga turut menyediakan perkhidmatan penyembelihan haiwan korban mengikut kehendak undang-undang syariat Islam yang ketat dengan kebersihan dan kualiti yang terjamin. Di samping itu juga, syarikat berkenaan membekalkan daging segar dan beku ke pasar raya-pasar raya dan restoran-restoran di negara ini.

Hadir menyaksikan kerja-kerja proses berkenaan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; dan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap KHEU.

# MPK BELIMBING ANJUR MAJLIS IBADAH KORBAN, AKIKAH





**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Belimbing yang juga selaku Pengerusi Majlis Perundingan Kampung (MPK) Belimbing hadir menyempurnakan penyampaian daging kepada peserta (atas), manakala gambar kanan, Majlis Ibadah Korban dan Akikah bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang diadakan di Gerai Muafakat Tasik Sarubing Kampung Belimbing.**

>> Muka 1

**Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland**
**Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung Belimbing**

Majlis tahunan yang kini memasuki tahun ke-20 penganjurannya itu disertai seramai 34 peserta dengan lima ekor kerbau telah dikorbankan sebagai sebahagian daripada ibadah korban dan akikah.

Anjuran kali ini jelas mencerminkan komitmen MPK Belimbing dalam memperkasa nilai-nilai keagamaan dan kemasyarakatan dalam kalangan penduduk setempat.

Majlis tersebut bertujuan untuk menggalakkan dan memudahkan penduduk kampung dalam melaksanakan ibadah korban dan akikah di samping memperingati kisah pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam bersama anaknya, Nabi Ismail Alaihissalam. Selain itu, ia juga menjadi platform pengukuhan ikatan silaturahim serta semangat bergotong-royong dalam kalangan penduduk kampung.

# EHBG agih daging korban kepada 21 asnaf, fakir miskin

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 8 Jun. - Kesepakatan serta keakraban ikatan persahabatan yang wujud sekitar tahun 60-an dan 70-an masih kukuh terjalin dalam kalangan mantan penghuni asrama Maktab Sultan Omar 'Ali Saifuddien (SOAS) sehingga kini.

Sehubungan dengan itu, sebanyak tiga ekor kerbau dikorbankan pagi tadi bagi Majlis Ibadah Korban Kumpulan Mantan Penghuni Asrama Maktab SOAS (Ex-Hostel Boys Group - EHBG) di kediaman salah seorang ahli EHBG di Kampung Tanjung Nangka.

Sebahagian daging korban berkenaan telah diagihkan kepada seramai 21 asnaf dan fakir miskin.

Hadir pada majlis berkenaan, Ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN), Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mahali bin Haji Momin, yang juga merupakan salah seorang daripada 21 ahli EHBG berserta ahli keluarga yang menyertai acara korban berkenaan.

Majlis seumpamanya merupakan kali kelapan diadakan oleh EHBG sejak ia mula ditubuhkan pada 2013.

Slogan 'Silaturahim Sepanjang Hayat' sudah bertapak kukuh dan menjadi kata-kata keramat dalam kalangan kira-kira 200 ahli yang pernah bermastautin bersama di asrama berkenaan pada sekitar tahun 60-an dan 70-an.

EHBG sememangnya aktif dalam aktiviti-aktiviti tahunan mereka antaranya Majlis Khatam Al-Quran, Sukan Ria bersempena Hari Keluarga Kebangsaan dan sebagainya.




**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara bergambar ramai pada Majlis Ibadah Korban Kumpulan Mantan Penghuni Asrama Maktab SOAS (Ex-Hostel Boys Group - EHBG).**



# IBADAH KORBAN MEMPERKUKUH UKHUWAH MASYARAKAT





**Berita dan Foto : Ihsan Masjid Kampung Putat**

**KAMPUNG PUTAT**, Ahad, 8 Jun. - Masjid Kampung Putat mengadakan Majlis Ibadah Korban sempena Hari Raya Aidiladha pagi tadi. Acara bermula seawal pukul 6.30 pagi dengan kerja-kerja gotong-royong dimulakan dengan kerja pemotongan dan pembahagian daging korban.

Majlis kemudian diteruskan dengan pengagihan daging korban kepada golongan tertentu (asnaf fakir miskin) yang dikenal pasti, diikuti dengan peserta korban dan semua penduduk Kampung Putat.

Hadir bagi mengagihkan daging korban tersebut ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, Ketua Kampung Putat.

Majlis tersebut bukan sahaja menjadi manifestasi pengorbanan dan ketakwaan tetapi juga memperkukuhkan ukhuwah serta semangat gotong-royong dalam masyarakat.

Semoga ibadah yang dilaksanakan itu mendapat keberkatan dan rahmat daripada Allah Subhanahu Wata'ala jua.

**YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Ketua Kampung Putat mengagihkan daging korban tersebut kepada penerima (atas kiri), manakala gambar kiri dan atas kanan, kerja-kerja gotong-royong dimulakan dengan kerja pemotongan dan pembahagian daging korban.**



## Raih ganjaran pahala, keberkatan ibadah korban

**Oleh : Marlinawaty Hussin**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

>> Muka 1

Ibadah korban kali ini disertai oleh 28 orang penduduk sekitar yang mengorbankan sebanyak empat ekor kerbau untuk majlis berkenaan.

Majlis bertujuan bagi meraih ganjaran pahala serta keberkatan dari Allah Subhanahu Wata'ala dengan melaksanakan ibadah korban.

Di samping itu, ia juga bertujuan bagi mengeratkan silaturahim, kekeluargaan serta kejiranan dalam kalangan jemaah masjid dan penduduk kampung.



**PEMANGKU Pegawai Daerah Brunei dan Muara hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan pengagihan daging korban kepada penerima.**






## Merebut peluang keberkatan, kelebihan ibadah korban

**Berita dan Foto : Ihsan Masjid Kampung Birau**



**MASJID Kampung Birau melalui Kumpulan Muslimah dan Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid mengadakan Majlis Ibadah Korban di kawasan legar masjid berkenaan (atas dan bawah).**

**BIRAU**, Ahad, 8 Jun. - Ibadah korban merupakan amalan sunat yang sangat dituntut dalam Islam iaitu dengan menyembelih binatang tertentu pada Hari Raya Aidiladha iaitu 10 Zulhijah dan Hari Tasyrik, 11, 12 dan 13 Zulhijah.

Selain itu, ia juga merupakan sebagai tanda syukur seorang hamba atas nikmat yang diberikan di samping untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sebagai memuliakan dan meraikan Sambutan Hari Raya Aidiladha tahun ini, Masjid Kampung Birau melalui Kumpulan Muslimah dan Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid tersebut mengadakan Majlis Ibadah Korban berlangsung di kawasan legar masjid berkenaan.

Sebanyak empat ekor kerbau dikorbankan dan seterusnya diagihkan kepada penerima-penerima yang terdiri dari asnaf fakir miskin, peserta-peserta ibadah korban dan warga kampung berkenaan.

Pengagihan daging korban disampaikan oleh Ketua Kampung Birau, Luagan Timbaran dan Kebia, Awang Masburah bin Suhaile yang juga selaku Penasihat AJKT masjid.

Majlis yang merupakan aktiviti tahunan Kumpulan Muslimah Kampung Birau itu diadakan bagi sama-sama merebut peluang untuk melaksanakan ibadah korban dan sekali gus mengeratkan lagi hubungan silaturahim dalam kalangan penduduk kampung dan sekitarnya.



# MEMPERKASA PERPADUAN KOMUNITI, MENANAMKAN NILAI KEIKHLASAN

**Berita dan Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah**

**SUNGAI AKAR**, Ahad, 8 Jun. - Dalam usaha menyemarakkan sambutan Hari Raya Aidiladha 1446 Hijrah, Takmir Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) Kampung Sungai Akar dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Akar telah menganjurkan Majlis Ibadah Korban, pada hari ini bertempat di pekarangan masjid berkenaan.

Majlis berkenaan merupakan salah satu usaha tahunan bagi mengimarahkan masjid serta memperkukuh semangat kesatuan dan gotong-royong dalam kalangan ahli jemaah dan penduduk kampung setempat.

Pelaksanaan ibadah korban berkenaan juga selaras dengan syariat Islam dalam memperingati pengorbanan Nabi Ibrahim Alaihissalam dan anakandanya, Nabi Ismail Alaihissalam dalam menzahirkan ketaatan yang tulus kepada perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Acara dimulakan pada awal pagi dengan penyembelihan haiwan korban yang melibatkan sebanyak tujuh ekor kerbau dan daging korban berkenaan telah diagihkan kepada 30 penerima terdiri daripada golongan kurang berkemampuan dan asnaf fakir miskin dari Kampung Sungai Akar.



Pengagihan dibuat dengan teratur dan lancar hasil kerjasama erat para sukarelawan, Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid serta penduduk kampung.

Majlis turut disemarakkan lagi dengan sesi Forum Khas sempena Hari Raya Aidiladha yang diadakan di ruang utama masjid dan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada para jemaah.

Forum berkenaan menampilkan dua ahli panel jemputan, iaitu Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Mohammad Nasyith bin Superi; dan Kaunselor Pelawat Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor.

Kedua-dua ahli panel menyampaikan kupasan mengenai hikmah dan pengertian sebenar pengorbanan daripada perspektif keluarga. Forum telah dipengerusikan oleh Awang Abdul Mujib bin Awang Sh'minan, mahasiswa dari UNISSA.

Hadir pada majlis berkenaan, Penaung-penaung Bersama



**PENAUNG Bersama Masjid Rashidah Sa'adatul Bolkiah (MRSB) Kampung Sungai Akar, Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin menyampaikan daging korban kepada para penerima (atas), manakala gambar bawah kiri, sebahagian yang hadir menerima daging korban tersebut.**

MRSB, Kampung Sungai Akar, Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin; dan Dato Seri Setia Awang Haji Ali bin Apong.

Penganjuran majlis seumpama berkenaan dilihat bukan sahaja sebagai wadah pelaksanaan tuntutan agama, malah berperanan sebagai platform untuk memperkasa perpaduan komuniti, menanamkan nilai keikhlasan, serta memupuk budaya saling membantu dan peduli antara satu sama lain.

Majlis Ibadah Korban berkenaan juga mencerminkan komitmen MRSB dan MPK Sungai Akar dalam mendukung aspirasi kerajaan ke arah pembangunan masyarakat berakhlak dan berdaya saing selaras dengan hasrat Wawasan Brunei 2035 serta mendukung nilai-nilai Melayu Islam Beraja (MIB).

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah para jemaah masjid, ahli AJK dan MPK, para penduduk kampung, belia, sukarelawan serta para penerima daging korban.

# Mengekalkan budaya gotong-royong melalui ibadah korban

**Berita dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Kampung, Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara, Kampung Mentiri**

**MENTIRI**, Sabtu, 7 Jun. - Ibadah korban yang menjadi amalan sunat yang sangat dituntut sebagai tanda syukur seorang hamba atas nikmat yang diberikan di samping mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sehubungan itu, Majlis Perundingan Kampung (MPK), Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN), Kampung Mentiri telah bergotong-royong melaksanakan ibadah korban di kediaman Pemangku Ketua Kampung Kawasan 2, RPN Kampung Mentiri, Awang Haji Mohammad Nizam bin Haji Julaihi, di sini.

Daging-daging korban berkenaan telah diagihkan kepada peserta korban dan asnaf yang disampaikan oleh Pemangku Ketua Kampung Kawasan 2, RPN Kampung Mentiri.

"Semangat bergotong-royong penduduk kampung sangat terserlah. Saya harap budaya memucang-mucang ini akan terus dikekalkan dalam menyatukan hubungan dan persefahaman dalam kalangan masyarakat," ujar Awang Haji Mohammad Nizam.

Majlis yang menjadi aktiviti tahunan MPK berkenaan adalah sebagai asas bagi merapatkan silaturahim bagi mengekalkan perpaduan di samping merebut pahala yang berlipat ganda.



**MAJLIS Perundingan Kampung (MPK), Kawasan 2, Rancangan Perumahan Negara (RPN), Kampung Mentiri semasa sesi bergambar ramai.**

# Memuliakan, menyemarakkan Hari Raya Aidiladha

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**



**PEMANGKU Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan daging ibadah korban kepada penerima (atas), manakala gambar bawah, antara yang hadir semasa pengagihan daging korban diadakan di Masjid Az-Zakireen Meragang.**

**MERAGANG**, Ahad, 8 Jun. - Sebanyak 24 ekor kerbau dan seekor sapi dikorbankan pada tahun ini untuk ibadah korban bagi peserta-peserta ibadah korban Masjid Az-Zakireen Meragang.

Pengagihan daging-daging korban tersebut disempurnakan pada Majlis Ibadah Korban bersempena dengan Sambutan Hari Raya Aidiladha bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi berlangsung di Masjid Az-Zakireen Meragang, hari ini.



Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan pengagihan daging-daging ibadah korban kepada peserta-peserta korban dan juga asnaf fakir miskin ialah Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Amir Hisham bin Haji Masri.

Terdahulu acara dimulakan dengan bacaan Doa Selamat dan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam yang dipimpin oleh Bilal Masjid Az-Zakireen Meragang, Awang Md. Ali Ilmam bin Haji Sujono.

Pada tahun ini, seramai 175 peserta menyertai ibadah korban manakala seramai 68 orang asnaf fakir dan miskin yang tinggal di kawasan Rancangan Perumahan Negara (RPN) Meragang menerima agihan daging-daging korban berkenaan.

Juga hadir Ketua Kampung Kawasan 1, RPN Meragang, Awang Madzlan bin Haji Jumat; Ketua Kampung Kawasan 2, RPN Meragang, Awang Mohammad bin Haji Tamin; Ahli-ahli Jawatankuasa Takmir Masjid, Muslimah dan Belia-belia Masjid Az-Zakireen Meragang serta Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) RPN Meragang dan Biro Wanita.

Antara lain majlis ini adalah sebagai tanda memuliakan dan menyemarakkan Hari Raya Aidiladha dalam kalangan penduduk kampung dalam sama-sama merebut peluang untuk melaksanakan ibadah korban, sekali gus mengeratkan silaturahim dan ukhuwah dalam kalangan umat Islam.

# IBADAH KORBAN SEMPENA HARI RAYA AIDILADHA TERUS DISEMARAKKAN

**Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Tungku, Katok**

**TUNGKU**, Ahad, 8 Jun. - Masjid Pengiran Muda 'Abdul Malik dengan kerjasama Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tungku dan Katok mengadakan Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di pekarangan masjid berkenaan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pegawai Pemantau Zon II, Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Muhd. Azrol Alim bin Haji Zaini.

Sebanyak lapan ekor kerbau telah dikorbankan pada majlis tersebut. Pengagihan daging-daging korban disempurnakan oleh tetamu kehormat dan diagihkan kepada anak-anak yatim, warga emas dan ibu tunggal yang terpilih.





**ANTARA yang hadir pada Majlis Ibadah Korban bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi bertempat di pekarangan masjid berkenaan (atas dan atas kanan).**




## Raih ganjaran pahala melaksanakan ibadah korban

**Siaran Akhbar dan Foto : Majlis Perundingan Kampung Sungai Bunga**




**KETUA Kampung Sungai Bunga, Tanjung Kindana dan Pulau Baru-Baru, Awang Zaini bin Haji Salleh hadir dan seterusnya mengagihkan daging-daging korban kepada para penerima (atas dan bawah).**




**KAMPUNG SUNGAI BUNGA**, Ahad, 8 Jun. - Majlis Perundingan Kampung (MPK) Sungai Bunga mengadakan Majlis Pengagihan Daging Korban bagi Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi yang berlangsung di Pusat Aktiviti Pelancongan MPK Sungai Bunga, Kampung Sungai Bunga, kelmarin.

Hadir dan seterusnya mengagihkan daging-daging korban ialah Ketua Kampung Sungai Bunga, Tanjung Kindana dan Pulau Baru-Baru, Awang Zaini bin Haji Salleh. Pada majlis tersebut, seramai 10 ketua keluarga daripada golongan daif dan peserta-peserta ibadah korban menerima bahagian daging korban masing-masing.

Adapun tujuan utama majlis diadakan bagi menjalin dan mengeratkan lagi silaturahim di samping membuka peluang khususnya kepada Ahli-ahli MPK dan biro-biro di bawahnya serta warga kampung untuk melaksanakan ibadah yang sangat dituntut oleh Islam.

Selain menjadi projek tahunan bagi MPK Sungai Bunga, ia juga bertujuan sebagai membesarkan lagi Sambutan Hari Raya Aidiladha dengan melaksanakan ibadah korban dan meraikan golongan yang berhak menerima daging-daging korban.

Program korban yang giat diadakan setiap tahun itu juga dibukakan kepada Ahli-ahli MPK Sungai Bunga dan ahli keluarga serta orang ramai dan diharap program yang berkebajikan itu akan terus dilaksanakan pada tahun akan datang sekali gus memupuk kesedaran dalam kalangan Ahli-ahli MPK khususnya untuk sama-sama meraih ganjaran pahala dan hikmah pengajaran yang diperoleh melalui ibadah berkenaan.

## Jemaah haji DSSB selesai melaksanakan ibadah melontar Jamrah



**JEMAAH haji Darussalam Services Sendirian Berhad bertolak ke Mina bagi meneruskan ibadah haji yang merupakan antara Rukun Wajib, iaitu bermalam (*mabit*) di Mina dan melaksanakan ibadah melontar Jamrah.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Darussalam Services Sendirian Berhad**

**MEKAH**, Ahad, 8 Jun. - Jemaah haji Darussalam Services Sendirian Berhad (DSSB) baru-baru ini bertolak ke Mina bagi meneruskan ibadah haji yang merupakan antara Rukun Wajib, iaitu bermalam (*mabit*) di Mina dan melaksanakan ibadah melontar Jamrah.

Sepanjang tempoh tiga hari dua malam di Mina, jemaah mengikuti atur cara seperti berikut, iaitu hari pertama ialah melontar Jamrah Aqabah, manakala hari kedua ialah melontar ketiga-tiga Jamrah, iaitu Jamrah Ula, Jamrah Wusta, dan Jamrah Aqabah; sementara hari ketiga pula ialah melontar ketiga-tiga Jamrah sebelum jemaah kembali semula ke Mekah.

DSSB telah membuat persiapan rapi bagi memastikan kelancaran perjalanan dan keselamatan para jemaah sepanjang berada di Mina.

Para pegawai DSSB turut bersama-sama mengiringi dan memantau keadaan jemaah bagi memastikan kebajikan mereka sentiasa terpelihara.

Pengarah Urusan DSSB menegaskan komitmen syarikat dalam memberikan perkhidmatan terbaik kepada para jemaah agar ibadah haji dapat ditunaikan dalam suasana yang selesa dan selamat.

# RUMAH 2 TINGKAT MUSNAH DALAM KEBAKARAN





**KEBAKARAN di rumah tersebut telah dikawal daripada merebak dalam enam minit, oleh anggota-anggota dari Balai Bomba Pengkalan Batu dan Balai Bomba Beribi. Tidak ada korban jiwa dilaporkan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Ahad, 8 Jun. - Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) telah menerima panggilan kebakaran rumah pagi tadi di kawasan Kampung Pasai, Jalan Ban 3, Mulaut.

Sebanyak dua buah jentera dikerahkan dari Balai Bomba Jerudong serta bantuan tenaga dan air dari Balai Bomba Pengkalan Batu dan Balai Bomba Beribi dengan keanggotaan seramai 19 orang diketuai oleh Pemangku Timbalan Pegawai Balai, Awang Mohd. Noor Erawan bin Haji Metussin ke tempat kejadian.

Apabila sampai di lokasi kejadian, didapati api besar membakar keseluruhan sebuah garaj lalu merebak ke sebahagian rumah jenis dua tingkat berkenaan. Kebakaran melibatkan di bahagian atas dan *water damage* di bahagian bawah serta sebuah kereta.

Anggota bomba diarahkan memakai alat bantuan pernafasan (Breathing Apparatus) dan bertindak memadam kebakaran dengan mengeluarkan tiga jet hos 64 milimeter (mm) dan sebanyak 10 batang hos 38mm semasa operasi memadam.

Api dapat dikawal daripada merebak dalam masa enam minit. Semua penghuni rumah sudahpun keluar sebelum kereta bomba sampai dan tidak ada korban jiwa dilaporkan. Punca api dan anggaran kerugian masih dalam siasatan.

Turut berada di lokasi kejadian, Penolong Pengarah Operasi, Awang Haji Nohi Irwan Surkarki bin Haji Pawi; Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'F', Penguasa Kanan Bomba Muhd. Shahreeni bin Haji Mohd. Yussof dan Timbalan Pegawai Pemerintah Cawangan Operasi 'F', Penguasa Bomba Janey Batrisya Koh Yen Yen.

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat**

# Tawaran pengambilan pelajar Tahun 7 ITQSHHB kini dibukakan

**Siaran Akhbar : Kementerian Hal Ehwal Ugama**

>> Muka 1

Waktu operasi adalah sebelah pagi sahaja, iaitu pada jam 9.00 pagi hingga 12.00 tengah hari bermula 8 Julai 2025 hingga 31 Julai 2025 dan akan dibukakan pada setiap Selasa dan Khamis.

Pemohon dikehendaki membawa dokumen yang diperlukan seperti berikut, iaitu gambar terbaharu pemohon (ukuran pasport), salinan Surat Beranak pemohon, salinan Kad Pengenalan Pintar pemohon (jika ada), salinan Kad Pengenalan Pintar ibu dan bapa atau penjaga, salinan sijil kerakyatan pemohon (jika berkenaan), salinan sijil peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR) (jika ada) dan salinan Sijil Pendaftaran Anak Angkat (jika berkenaan).

Bagi ibu bapa pemohon yang bukan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau bukan penduduk tetap yang bertugas di jabatan kerajaan atau Government Linked Companies di Negara Brunei Darussalam dikehendaki menyertakan dokumen berikut, iaitu surat permohonan khas kepada Lembaga ITQSHHB melalui pengetua institut, dan surat pengesahan tempat bertugas.

Termasuk salinan pasport pemohon yang bukan rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia atau bukan penduduk tetap (ibu atau bapa pemohon bertugas di jabatan kerajaan atau Government Linked Companies di NBD).

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi melalui nombor telefon +673 2222090 atau +673 2222093 atau +673 2222096 sambungan 229 atau 230 atau melalui talian WhatsApp +673 8165297 atau e-mel *pendaftaran@itqshhb.edu.bn*.

# Waspada.bn bendung maklumat palsu, penipuan di NBD

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 7 Jun. - Bagi meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai maklumat palsu dan penipuan dalam talian, Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam (AITI) baru-baru ini melancarkan Waspada.bn, sebuah platform semakan fakta bagi Negara Brunei Darussalam.

Sebagai usaha untuk mempertingkatkan penyampaian maklumat yang sahih dan tepat, Waspada.bn dihasratkan untuk mengeratkan kerjasama antara pelbagai kementerian, agensi dan pihak penguatkuasaan undang-undang, termasuk Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi, Jabatan Penerangan dan AITI, bagi mengukuhkan tindak balas proaktif dalam menangani ancaman maklumat palsu dan penipuan dalam talian melalui pendekatan secara Whole of Government.

Orang ramai diingatkan bahawa tidak semua maklumat yang terdapat di internet adalah tepat atau boleh dipercayai. Maklumat kadangkala dikongsi sebagai kaedah untuk mengesahkan fakta, namun ini boleh secara tidak langsung menyebabkan maklumat palsu tersebar.

Justeru itu, Waspada.bn berperanan sebagai platform yang membolehkan orang ramai menyemak kesahihan berita dan maklumat yang diterima melalui media sosial, sentiasa peka dan berwaspada terhadap berita palsu dan penipuan, serta memainkan peranan aktif dalam membendung penyebaran maklumat palsu serta menyokong pembentukan masyarakat yang lebih berpengetahuan dan berwaspada.

Inisiatif ini juga merupakan antara usaha bersama untuk menangani penyebaran maklumat palsu yang boleh menjatuhkan maruah individu dan menjejaskan reputasi organisasi, dan juga memberikan kesan negatif kepada keharmonian negara.

Dilancarkan pada 4 Jun 2025, Waspada.bn beroperasi menggunakan Instagram, bagi memudahkan orang ramai mengikuti perkembangan dan mendapatkan maklumat terkini. Menjelang suku pertama tahun 2026, Waspada.bn akan diperluaskan sebagai sebuah laman sesawang yang akan menyediakan maklumat secara menyeluruh bagi rujukan awam dalam usaha memerangi berita palsu dan penipuan dalam talian.

Untuk maklumat terkini, ikuti Instagram *@waspadabn*. Orang ramai dialu-alukan untuk menyalurkan maklum balas dengan menghubungi Waspada.bn melalui WhatsApp di +673 8992233 atau e-mel ke *waspadabn@aiti.gov.bn*.

**Siaran Akhbar : Pihak Berkuasa Industri Teknologi Info-komunikasi Negara Brunei Darussalam**







# كإستيميوأن هاري عرفة

جماعه يغ درحمتي الله،

برتقوى له كيت كحضرة الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دڠن منيڠكتكن كإيمانن كڤدڽ. سسڠڬوهڽ اورڠ يڠ ڤاليڠ مليا دسيسي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ايت اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى. موده-مودهن كيت منجادي إنسان يڠ سنتياس مڠايڠتي الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، براوله كحيأن دان كسلامتن ددنيا دان جوڬ دأخيرة.

جماعه يڠ درحمتي الله،

هاري عرفة مروڤاكن هاري دكورنياكن رحمة دان كبركتن سرتا دڤركننكن سڬل دعاء. اوليه ايت، كيت دسنتكن اونتوق ممڤربايقكن ذِكِر سڤرتي تحميد، تسبيح، تهليل، ممباچ القرآن، براستغفر سرتا بردعاء دڠن ڤنوه راس ڤڠبدين دان كإنصفن. درڤد عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ رَضِيَ اللهُ عَنْهُ، درڤد باڤڽ، درڤد داتوقڽ، بهاوا نبي صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: **خَيْرُ الدُّعَاءِ دُعَاءُ يَوْمِ عَرَفَةَ، وَخَيْرُ مَا قُلْتُ أَنَا وَالنَّبِيُّونَ مِنْ قَبْلِي: لاَ إِلهَ إِلاَّ اللَّهُ وَحْدَهُ لاَ شَرِيكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.**

**مقصودڽ:**

**سبايك-بايك دعاء اداله دعاء ڤد هاري عرفة. دان سبايك-بايك ڤركاتأن يڠ دأوچڤكن اوليه كو دان ڤارا نبي سبلومكو اداله: لَا إِلهَ إِلَّا اللهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيْكَ لَهُ، لَهُ الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيْرٌ (تياد توهن ملاينكن الله، دي إسا دان تياد سكوتو باڬيڽ، دي مميليكي كراجأن دان سڬل ڤوجي اداله اونتوقڽ، دان الله مها بركواس اتس سڬل سسواتو). {حديث رواية إمام ترمذي}**

جماعه يڠ درحمتي الله،

هاري عرفة جاتوه ڤد تڠڬل ٩ ذوالحجه ستياڤ تاهون دان اي ترماسوق انتارا هاري يڠ ڤاليڠ أوتام دان إستيميوا. هاري عرفة مروڤاكن هاري ڤڠأمڤونن دوسا دان ڤمبيبسن دري بالسن سيقسا أڤي نراك. بڬيتوله يڠ دڽاتاكن اوليه رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سباڬيمان يڠ دچريتاكن اوليه إستري بڬيندا سيدتنا عائشه رَضِيَ اللهُ عَنْهَا دالم سبواه حديث رواية إمام مسلم يڠ برمقصود: **سسوڠڬوهڽ رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ برسبدا: تيدق اد هاري الله ممبيبسكن همباڽ دري أڤي نراك سڤرتي هاري عرفة. سسوڠڬوهڽ، دي مندكت، كمودين دي بڠڬاكن مريك دهادڤن ڤارا ملائكتڽ سمبيل بركات: اڤ يڠ دإيڠينكن اوليه مريك؟**

مك ڤربايقكنله بردعاء كڤد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ ترأوتامڽ دالم مموهون كأمڤونن درڤدڽ دان مموهون كسلامتن دري سيقسا قبور سرتا دسلامتكن دري عذاب سيقسا أڤي نراك.

سڤركارا لاڬي يڠ ساڠت دأنجوركن اونتوق كيت لاكوكن اياله برڤواس ڤد هاري عرفة. مك براونتوڠله باڬي مريك يڠ تله ملقسناكن ڤواس سنة عرفة. رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ دالم حديث بڬيندا اد ميبوتكن مڠناءي فضيلة ڤواس سنة عرفة. أبو قتادة رَضِيَ اللهُ عَنْهُ مريوايتكن بهاواسڽ رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ تله برسبدا: **صِيامُ يومِ عَرَفَةَ، أَحْتَسِبُ عَلَى اللهِ أَنْ يُكَفِّرَ السَّنَةَ الَّتِي قَبْلَهُ، والسَّنَةَ الَّتِي بَعْدَهُ.**

**مقصودڽ: ڤواس هاري عرفة، اكو مموهون كڤد الله اڬر منبوس دوسا-دوسا ستاهون سبلومڽ سرتا ستاهون سلڤسڽ. {حديث رواية إمام مسلم}**

حديث اين برمقصود بهاوا مڠرجاكن ڤواس سنة عرفة ايت دبريكن كنجارن ڤڠأمڤونن دوسا-دوسا ستاهون سبلوم هاري عرفة يڠ لالو سرتا ستاهون سلڤس هاري عرفة يڠ اكن داتڠ.

جماعه يڠ درحمتي الله،

هاري عرفة اداله هاري ڤركومڤولن أومت إسلام يڠ تربسر دري سلوروه دنيا. أومت إسلام وقوف دعرفة سمبيل مڠوچڤكن تلبية، مموهون دعاء دان كورنيأن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، سمبيل مڠهارڤ رحمتڽ دان موهون دجاوهكن دري عذابڽ. سسوڠڬوهڽ وقوف دڤادڠ عرفة مڠاندوڠي ڤلباڬاي حكمه، انتاراڽ:

**ڤرتام:** مڠحياتي ڤرسوداراٴن سأڬام

كداتڠن ڤارا جماعه كڤادڠ عرفة دڠن ڤكاين إحرام سربا ڤوتيه، بوكن ساج ملمبڠكن كبرسيهن جيوا، تتاڤي منوڠجوقكن ڤرسوداراٴن سجاتي أومت إسلام. الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ برفرمان دالم سورة الحجرات أية ١٠:

**تفسيرڽ:**

**سسوڠڬوهڽ اورڠ-اورڠ برإيمان ايت برسودارا مك داميكنله انتارا دوا سودارا كامو (يڠ برتليڠكه) ايت دان برتقوى له كڤد الله سوڤاي كامو براوليه رحمة.**

**كدوا:** ميدري ڤنتيڠڽ ڤرڤادوان

ڤرهيمڤونن دڤادڠ عرفة مروڤاكن ڤرهيمڤونن تاهونن تربسر أومت مأنسي دموك بومي اين. مريك برجومڤا، بركنلن دان داڤت بربينچڠ. مريك سماكين ميقيني بتاڤ أڬوڠڽ ككواسأن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ يڠ منجاديكن مخلوق برنام مأنسي دسلوروه ڤنجورو بومي، يڠ بربيذا ورنا كوليت، بوديا دان بهاس ڤرتوتورن. مريك سموا برڤكاين ورنا يڠ سام يايت بروورنا ڤوتيه، مريك حرمت مڠحرمتي، تنڤا مڠنل درجت دان كدودوقن، تنڤا مڠنل كاي اتاو ميسكين، سمواڽ ميمبه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ يڠ إسا. فرمان الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ دالم سورة الحجرات أية ١٣:

**تفسيرڽ:**

**واهاي مأنسي! سسوڠڬوهڽ كامي تله منچيڤتاكن كامو درڤد لاكي-لاكي دان ڤرمڤوان، دان كامي تله منجاديكن كامو برباڬي-باڬي بڠسا دان ڤواق سوڤاي كامو بركنل-كنلن. سسوڠڬوهڽ سموليا-مليا كامو دسيسي الله اياله اورڠ يڠ ڤاليڠ برتقوى انتارا كامو. سسوڠڬوهڽ الله مها مڠتهوي لاڬي مها تليتي.**

**كتيڬ:** مڠإنصفي تنتڠ كماتين

مماكاي ڤكاين إحرام سربا ڤوتيه سأوله-اوله مڠإيڠتكن كيت كڤد كاين كاڤن يڠ اكن ممبالوتي توبوه كتيك ياوا دڤيسهكن دري جاسد. والاوڤون كيت مميليكي ڤكاين يڠ ماهل دان برجناما، اكن تتاڤي كاين ڤوتيه جوڬ يڠ اكن ممبالوتي توبوه كيت سباڬي كاين كاڤن.

**كأمڤت:** مڠإيڠتي ڤرهيمڤونن دڤادڠ محشر

ڤرهيمڤونن ڤد هاري عرفة مڠإيڠتكن كيت كڤد ڤرهيمڤونن بسر اڤبيل برلاكو هاري قيامة. ڤادڠ عرفة يڠ تربوك لواس دان تردده كڤد كڤانسن چهاي ماتهاري، مڠڬمبركن سأوله-اوله كيت برادا دڤادڠ محشر ڤد هاري قيامة ننتي. دسان تياد خيمه، تياد تمڤت برليندوڠ دان تياد ڤڠامن أودارا. ستياڤ إنديۏيدو هاڽ برڬنتوڠ كڤد عمل صالحڽ سماس هيدوڤ ددنيا. كتيك ايت مريك هاڽ مڠهارڤكن رحمة دان ڤڠأمڤونن إلهي دان شفاعة رسول الله صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اڬر عمالنڽ دتريما، دوساڽ دأمڤونكن، ترلڤس درڤد عذاب سيقسأن أڤي نراك دان دماسوقكن كشرڬ.

جماعه يڠ درحمتي الله،

سباڬيمان كيت ليهت منروسي سيارن مديا إيليكترونيك اكن كاداٴن جماعة-جماعة حاج دري سلوروه ڤلوسوق دنيا يڠ وقوف دعرفة، دڠن كاداٴن مريك ادا يڠ تيدق ترأوروس، ادا يڠ رمبوت كوسوت ماسي، ڤكاين كومل، ماكن مينوم تيدق منتو، ڤركومڤولن ڤنوه سسق دسان سيني، ادا يڠ وقوف دباوه تريك متهاري، كاداٴن دان سواسان اين تيدق لاين هاڽله كران تياد لاڬي ڤراسأن إيڠتكن دنيا دڠن سڬل كسنڠن دان كميواهن، اكن تتاڤي يڠ دچاري-چاري دان دأوتاماكن اياله اونتوق سمڤت برادا دعرفة والاوڤون سكجڤ باڬي مڠچاڤي كنعمتن إيمان يڠ سڤنوهڽ دان باڬي مراساكن كلاذتن تقوى سبنر. ايتله كإيستيموأن هاري عرفة. اي بوكن سقدر برادا سچارا فيزيكل، تتاڤي لبيه درڤد ايت. اي اداله برهنتي سجنق درڤد دنيا اونتوق منيلاي سمولا هيدوڤ دان ميرهكن سلوروه جيوا راڬا كڤد الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ.

اوليه يڠ دمكين، ماريله كيت ممنفعتكن كسمڤتن ڤد هاري عرفة اين اونتوق ممڤربايقكن بردعاء ڤد هاري اين. كيت تانمكن دالم ديري كيت سماڠة "عرفة" ستياڤ هاري دڠن سنتياس ممبرسيهكن هاتي، ميسالي دوسا، ممڤرإيرتكن ڤرسوداراٴن، ملاكوكن عمل كبايكن دان منانم عزم تقوى يڠ سبنر.

كڤد سودارا-مارا كيت جماعه حاج نڬارا بروني دارالسلام يڠ برادا دتانه سوچي، مريك اداله سبهاڬين درڤد جوتأن سودارا-سودارا كيت سدونيا يڠ منونيكن عبادت حاج ڤد تاهون اين. مريك اداله همبا-همبا الله يڠ برأونتوڠ دڤركننكن دان دتريما اوليه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ منجادي تتاموڽ دتانه سوچي. سام-سامله كيت بردعاء سموڬ جماعه حاج خاصڽ جماعه حاج نڬارا بروني دارالسلام سنتياس دالم ڤرليندوڠن، ڤمليهاراٴن الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ، كمبالي كتانه أير دڠن سلامت دان منداڤت حاج يڠ مبرور يايت حاج يڠ دتريما اوليه الله سُبْحَانَهُ وَتَعَالَىٰ. آمين يا رَبَّ العالمين.

**تفسيرڽ:**

**مك اڤبيل كامو تله سلساي مڠرجاكن عبادت حاج هندقله كامو برذِكِر مڠإيڠتي الله سباڬيمان كامو دهولو ميبوت-يبوت باڤ-باڤ (دان داتوق نينيق) كامو بهكن برذِكِرله لبيه درڤد ايت. دالم ڤد ايت اد انتارا مأنسي يڠ (بردعاء هاڽ دڠن) بركات:"يا توهن كامي! بريله كامي (كبايكن) ددنيا." (اورڠ اين دبريكن كبايكن ددنيا) دان تيدق اد باڬين سديكيت ڤون كبايكن دأخيرة. دان انتارا مريك ڤولا اد يڠ (بردعاء دڠن) بركات: "يا توهن كامي! كورنياكنله كامي كبايكن ددنيا دان كبايكن دأخيرة دان ڤليهاراله كامي درڤد عذاب نراك." مريك (اورڠ-اورڠ يڠ بردعاء اونتوق منداڤتكن كبايكن دنيا دان أخيرة) ايتله يڠ اكن منداڤت بهاڬين (يڠ بايك) درڤد اڤ يڠ مريك تله أوسهاكن. دان الله ايت ساڠت چڤت ڤرهيتوڠنڽ. {سورة البقرة أية: ٢٠٠-٢٠٢}**

**بَارَكَ اللهُ لَنَا فِي القرآن الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنَا بِالْأَيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلَ مِنَّا تِلاَوَتَهُ إِنَّهُ هُوَالسَّمِيعُ الْعَلِيم، وَأَسْتَغْفِرُاللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَآئِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَانَجَاةَ التَّائِبِينَ.**

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سڬل جنيس ڤڽاكيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيمِ

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

لَا إِلٰهَ إِلَّا أَنْتَ سُبْحَانَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ الظَّالِمِينَ (3 كالي).

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللّٰهِ التَّامَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ (3 كالي).

بِسْمِ اللّٰهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ وَلَا فِي السَّمَاءِ وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ (3 كالي).

بِسْمِ اللّٰهِ وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ مُحَمَّدٌ رَسُولُ اللّٰهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ.

بِسْمِ اللّٰهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ اللّٰهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ اللّٰهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ اللّٰهِ خَيْرِ الْأَسْمَاءِ. بِسْمِ اللّٰهِ رَبِّ الْأَرْضِ وَالسَّمَاءِ. بِسْمِ اللّٰهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ دَاءٌ. بِسْمِ اللّٰهِ افْتَتَحْنَا وَبِاللّٰهِ اخْتَتَمْنَا وَعَلَى اللّٰهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي الْعِزَّةِ وَالْجَبَرُوتِ. وَاعْتَصَمْنَا بِرَبِّ الْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى الْحَيِّ الَّذِي لَا يَمُوتُ.

اَللّٰهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اَللّٰهُمَّ اصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وَبِلَادِنَا وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالطَّعْنَ وَالطَّاعُونَ وَسَائِرَ الْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ الرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ (3 كالي).

وَصَلَّى اللّٰهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ، وَالْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**
Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَا وَهُوَ العَلِيُّ العَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ ٱلْحَوَآئِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَآئِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**
Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**
Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَا۠ عَبْدُكَ، وَأَنَا۠ عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُۥ لَايَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**
*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**
Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## ذكر بچاٴن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساڠت بسر كڤد ڤڠعملث ( تولق بلاء)

**(1)**

حَسْبُنَا اللّٰهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللّٰهَ الْعَظِيْمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**
Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللّٰهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**
Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللّٰهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**
Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**
Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
IV Sahaja

**Kategori:**
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
10 Jun 2025 (Selasa)

**Tarikh Tutup:**
24 Jun 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran :**
JKR / DBSKB / 014 / 2025

**Nama Projek:**
Kontrek Penggal Operasi Dan Menyelenggara Loji Rawatan Air Seria Dan Stesen Pam Air Mentah Badas Peringkat 4 Di Daerah Belait Untuk 36 Bulan

**No. Projek:**
2025ADKB/2106/002-002-001

**Yuran Tawaran:**
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

---

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar**
Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam

**Kelas:**
II & III Sahaja

**Kategori:**
KA01 & M03

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
10 Jun 2025 (Selasa)

**Tarikh Tutup:**
24 Jun 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSKB / 015 / 2025

**Nama Projek:**
Kontrek Penggal Operasi Dan Penyelenggaraan Untuk Tiga Pam Saliran Di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait Bagi Tempoh 24 Bulan (Retender)

**No. Projek:**
2025ADKB/2106/002-003-005

**Yuran Tawaran:**
BND70.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

---

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
IV & V Sahaja

**Kategori:**
KA01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
10 Jun 2025 (Selasa)

**Tarikh Tutup:**
24 Jun 2025 (Selasa)
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang.

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSKB / 016 / 2025

**Nama Projek:**
Menaiktaraf Sistem Pembetungan Bagi Mukim Kuala Belait Dan Mukim Seria, Daerah Belait – Kerja-Kerja Pemulihan Sistem Pembetungan Di Kawasan Kuala Belait Dan Seria.

**No. Projek:**
DDS1217/ADBT-02

**Yuran Tawaran:**
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

---

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
IV & V

**Kategori:**
B01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
10 Jun 2025

**Yuran Tawaran:**
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DTS / 09 / CQS / 2025-T / IV

**Nama Projek:**
Upgrading & Densification Of Continuosly Operating Reference Station (CORS) - Retender

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
24 Jun 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang

---

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
III & IV

**Kategori:**
KA01 & B01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
17 Jun 2025.

**Yuran Tawaran:**
BND50.00
(Tidak dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DTS / 010 / CQS / 2025-T / III

**Nama Projek:**
Cadangan Pemasangan Lif Baru Bangunan Fasa 2, Blok F, Universiti Teknologi Brunei (UTB)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
1 Julai 2025.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL LUAR NEGERI**

**Makluman Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Tawaran:**
MFA/ICC/01/2025-26

**Tajuk Tawaran:**
Carpet Replacement Works At Plenary Hall, International Convention Centre, Berakas, Ministry Of Foreign Affairs, Brunei Darussalam

**Bayaran Tawaran:**
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 8 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Pemberitahuan Tawaran Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**
KK/132 /2025/LAB(TC)

**Keterangan:**
To Supply And Deliver Of Laboratory Consumables (Biohazard Zip-Lock Bag With Pocket) For Phlebotomy And CSRA, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 17 Jun 2025.
tidak lewat jam 2.00 petang.

---

BDMD Brunei Darussalam Meteorological Department

**JABATAN KAJICUACA**
**KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**
JKBD/2025/SH-05

**Sebut Harga bagi Perkhidmatan/Pembekalan:**
Kontrak Dua (2) Tahun Bagi Perkhidmatan Pemotongan Rumput Dan Penyelenggaraan Landskap Di Kawasan Bangunan Ibu Pejabat Dan Bangunan Radar Cuaca Doppler Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam

**Hari/Tarikh/Waktu Tutup:**
Rabu, 25 Jun 2025
sebelum 9.00 pagi

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI**
**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Notis Sebut Harga**

**Tajuk Sebut Harga:**
RTB/K/30/25-26 – Penyewaan, Pemasangan, Menyediakan Rekaan Grafik Dan Mengendali/ Operasi Skrin Led Untuk Tiga Program Televisyen" Bahagian Rancangan Tv, RTB

**Bayaran Yuran:**
BND5.00
(tidak dikembalikan)
(termasuk e-dokumen)

**Salinan Kertas (Hardcopy):**
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 11 Jun 2025, pukul 2.00 petang

---

**Notis Sebut Harga**

**Tajuk Sebut Harga:**
RTB/K / 27 / 25 - 26 – Mereka Bentuk Dan Mencetak Kalendar Meja RTB 2026

**Bayaran Yuran (termasuk e-dokumen):**
BND5.00
(tidak dikembalikan)

**Salinan Kertas (Hardcopy):**
BND5.00
(jika perlu dan tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 9 Julai 2025,
jam 2.00 petang

KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Kenyataan Sebut Harga**

**Bilangan Sebut Harga:**
10/JUNE/2025/KKBS/PJK/16.43

**Tajuk Sebut Harga:**
Mechanical And Electrical Term Maintenance For A Period Of Thirty-Six (36) Months For Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) Temburong, Brunei Darussalam
1) BATANG DURI CAMP
2) BELALONG CAMP

**Yuran Sebut Harga:**
BND5.00(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Tidak lewat Khamis, 26 Jun 2025.

**Bilangan Sebut Harga:**
09 / JUNE / 2025 / KKBS / PJK / 16.43

**Tajuk Sebut Harga:**
Anti Termite Treatment For Outward Bound Brunei Darussalam (OBBD) Temburong, Brunei Darussalam
1) Batang Duri Camp
2) Belalong Camp

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 19 Jun 2025.

**Bilangan Tawaran:**
04 / FEB / 2025 / KKBS / PJK / 16.16 ( R )

**Tajuk Tawaran:**
Kerja-Kerja Penggantian Lantai dan Pembasmian Anai Bagi Kompleks Sukan Sungai Kebun, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Brunei Darussalam (Retender)

Replacement Of Existing Floor And Anti Termite Work For Sungai Kebun Sports Complex, Ministry Of Culture, Youth And Sports, Brunei Darussalam (Retender)

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 17 Jun 2025.

**Bilangan Tawaran:**
15 / MEI / 2025 / KKBS / HSSE / SECURITY / PPB

**Tajuk Tawaran:**
Membekalkan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tempoh Dua Puluh Empat (24) Bulan Bagi Bangunan Kompleks Pusat Pembangunan Belia, Jalan Utama Tanah Jambu, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 17 Jun 2025.

JABATAN BELIA DAN SUKAN KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**1. Bilangan Tawaran:**
(32) JBS/ADM/QC/2025
Keterangan:
Menyediakan Dan Menghantar Trofi Penerima Anugerah Belia (Acrylic 3D Award Trophies) Bagi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, 2025

**2. Bilangan Tawaran:**
(33) JBS/ADM/QC/2025
Keterangan:
Menyediakan Lagu Dan Music Video (Video Utama) Bagi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20,

**3. Bilangan Tawaran:**
(34) JBS/ADM/QC/2025
Keterangan:
Menyediakan Dan Menghantar Percetakan Kad Masuk Bagi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, 2025

**4. Bilangan Tawaran:**
(35) JBS/ADM/QC/2025
Keterangan:
Menyediakan, Mencetak Dan Menghantar Buku Yaasin, Tahlil Dan Doa-Doa Pilihan Bagi Majlis Doa Kesyukuran Bagi Sambutan Hari Belia Kebangsaan Ke-20, 2025

**5. Bilangan Tawaran:**
(36) JBS/ADM/QC/2025
Keterangan:
Penambahan Stok Simpanan Unit Pusat Stor, Jabatan Belia Dan Sukan Toner Catridge Printer Brother L2460 Dan Ink Printer Brother MFC-J2740DW

**6. Bilangan Tawaran:**
(37) JBS/ADM/QC/2025
Keterangan:
Penambahan Stok Simpanan Bagi Alat Tulis, Jabatan Belia Dan Sukan

**7. Bilangan Tawaran:**
(38) JBS/ADM/QC/2025
Keterangan:
To Investigate and Rectification Blockage Discharge Waste Water at Toilet and Surau Concourse Area, Hassanal Bolkiah National Stadium

**8. Bilangan Tawaran:**
(39) JBS/ADM/QC/2025
Keterangan:
Supply, Delivery, Install, Commissioning and On-Site, User Training and Warranty of Technical Specification For Musculoskeletal Ultrasound Machine For Doctor Clinic, SMRC

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup:**
26 Jun 2025.

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Sebut Harga Bagi:**
Repair Morita Turntable Ladder BG7020
(RUJ: JBP/TSH/11/2025-2026)

**Tarikh Tutup/Jam:**
Khamis, 31 Julai 2025
(1.50 Petang)

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI

**Bilangan Tawaran:**
BBS/TOC/MSAU/KBS/2025–2028

**Keterangan Projek:**
Three (3) Years Term Contract Maintenance And Servicing Air Conditioning Units For Municipal Building Kuala Belait And Seria

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 24 Jun 2025.
jam 2.00 Petang.

JABATAN PENERANGAN JABATAN PERDANA MENTERI

**Bilangan Sebut Harga dan Tajuk Sebut Harga:**
(46) INFO/PK/K/7 (2025 - 2026)
Kerja-Kerja Membekal Dan Memasang, Termasuk Membuka Dan Menghapuskan Badminton Court Mat,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.

**Bilangan Sebut Harga dan Tajuk Sebut Harga:**
(47) INFO/PK/K/7 (2025 - 2026)
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kenderaan Mitsubishi Pajero Sport, BG4981,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.

**Bilangan Sebut Harga dan Tajuk Sebut Harga:**
(48) INFO/PK/K/7 (2025 - 2026)
Kerja-Kerja Penyelenggaraan Kenderaan Mitsubishi Pajero Sport, BG4980;
Dan Toyota Commuter Bus Hiace BG2065,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.

**Yuran:**
Tidak Dikenakan Bayaran

**Tarikh Tutup:**
Khamis,12 Jun 2025.
Jam 8.30 Pagi.

UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI

**UNISSA / SB0015 / 2025 / 2026**
To Supply and Deliver Research Equipments for UNISSA Research Grant Titled "Isolation And Molecular Characterization of Native Bacillus Thuringiensis Strains and Evaluating Their Insecticidal Activity Against Some Important Insect Pests in Brunei Darussalam" (Phase II)

**UNISSA / SB0016 / 2025 / 2026**
To Supply, Replace, Install and Repair Work of Lecture Theater Seating for Jubli Hall at Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0017 / 2025 / 2026**
Membekal, Menghantar dan Memasang Rak Buku, Penutup Khas Rak Buku dan Label Rak Buku (Acrylic Standoff Signage) di Perpustakaan Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0018 / 2025 / 2026**
Membekal dan Menghantar Buku-Buku Rujukan (Fizikal & E-Book) bagi Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah (FUUSHHB) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0019 / 2025 / 2026**
To Supply and Deliver Research Equipment for UNISSA Research Grant Titled "Digital Mutawwif: Enhanced Guide and Spiritual Companion for Brunei's DIY Umrah Pilgrims"

**UNISSA / SB0020 / 2025 / 2026**
Mencetak dan Menghantar Sijil-Sijil Dan Folder-Folder bagi Keperluan Acara-Acara di Sepanjang Hafl Al-Takharruj Ke-15 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) 2025

**UNISSA / SB0021 / 2025 / 2026**
To Supply and Deliver Recurring and Miscellaneous Items & To Supply, Deliver and Install Of Plastic Sheet for Herbs House, Faculty Of Agriculture (FOA) Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)

**UNISSA / SB0022 / 2025 / 2026**
Mencetak dan Menghantar Bahan-Bahan Cetakan Sempena Majlis Mahrajan Hafl Al-Takharruj Ke-15 dan Majlis Hafl Al-Takharruj Ke-15 Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) 2025

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu,
18 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

**KEMENTERIAN KESIHATAN**

**Pemberitahuan Tawaran Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan Tawaran:**
DRG/61/2025/PHARM(TC)

**Keterangan Tawaran:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three(3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG/62/2025/PHARM(TC)

**Keterangan Tawaran:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three(3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG/63/2025/PHARM(TC)

**Keterangan Tawaran:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three(3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 500.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG/64/2025/PHARM(TC)

**Keterangan Tawaran**:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three(3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 100.00

**BILANGAN TAWARAN:**
REN/05/2025/PHARM(TC)

**Keterangan Tawaran:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three(3) Years

**YURAN TAWARAN:**
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**
REN/06/2025/PHARM(TC)

**Keterangan Tawaran:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period OF Three(3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan Tawaran:**
REN/07/2025/PHARM(TC)

**Keterangan Tawaran**:
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three(3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 100.00

**Bilangan Tawaran:**
VAK/05/2025/PHARM(TC)

**Keterangan Tawaran:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three(3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**BIlangan Tawaran:**
VAK/06/2025/PHARM(TC)

**Keterangan Tawaran:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three(3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**BILANGAN TAWARAN:**
VAK/07/2025/PHARM(TC)

**Keterangan Tawaran:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three(3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 100.00

**Bilangan Tawaran:**
VAK/08/2025/PHARM(TC)

**Keterangan Tawaran:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three(3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan Tawaran:**
KK/123/2025/SSBH(TC)

**Keterangan Tawaran:**
The Provision Of Food And Drink Vending Machines Service At The Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Kuala Belait For A Period Of Five (5) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK/124/2025/SSBH(TC)

**Keterangan Tawaran:**
Three (3) Years Term Contract For Building Works At Housing Under Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait

**Eligibility for Tenderers:**
Registered with Ministry of Health and Ministry of Development

**Class** : II and III
**Category** : B01, E01, E02 & KA01

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK/125/2025/SSBH(TC)

**Keterangan Tawaran:**
The Provision Of Comprehensive Maintenance Services For Lifts And Dumbwaiter At Block A, B, X-Ray and Learning Development Centre, Suri Seri Begawan Hospital For A Period Of Three (3) Years

**Eligibility for Tenderers:**
Registered with Ministry of Health and Ministry of Development

**Class** : II and above
**Category** : KPME02

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan Tawaran:**
KK/126/2025/JPKAS

**Keterangan Tawaran:**
Replacement Of New Distribution Board (DB) And Wiring For Public Health Office Tutong

**Eligibility for Tenderers:**
Registered with Ministry of Health and Ministry of Development

**Class:** III and above
**Category:** B01, E02 & E03

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan Tawaran:**
KK/127/2025/UPP-PROJECT

**Keterangan Tawaran:**
Renovation And Conversion Of Toilet Facilities Into Pulmonary Function Test (PFT) Rooms At Specialist Building 1 In Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS) Hospital (Re-tender 2)

**Eligibility for Tenderers:**
Registered with Ministry of Health and/or Ministry of Development

**Class**: II
**Category**: KA01, B01, M01 & E01

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
KK/128/2025/ESTETMOH(TC)

**Keterangan Tawaran:**
Preventive And Corrective Maintenance Services For CCTV, And Access Control System At Clinical Molecular Diagnostics Laboratory For infectious diseases (cmdlid) for period of three (3) years

**Eligibility for Tenderers:**
Registered with Ministry of Health and/or Ministry of Development

**Class:** II and above
**Category**: M03, E01 and/or E02

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Tarikh Tutup:**
Tidak lewat 17 Jun 2025.
Jam 2.00 petang.

---

**JABATAN BANDARAN TUTONG KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Pemberitahuan Tawaran**

**Bilangan Tawaran:**
JBT / S / 04 / 2025-2026

**Tajuk Tawaran:**
Mengurus dan Mengendali Acara 'Tutongku Ceria', Pekan Tutong Secara Berkontrak Selama Dua (2) Tahun

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu,
11 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
JPH / 003 / SH / 2548 / 2025-2026
Projek Kontrak Memelihara Kawasan Taman Biodiversiti di Taman Rekreasi Hutan Berakas

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
3 Julai 2025.
Khamis, 2.00 Petang.

**Dibukakan kepada penender-penender yang berdaftar di Kementerian Pembangunan di dalam Kelas II ke atas dan Sub-Kategori S02 Perkhidmatan Pembersihan serta sub-kategori S03 Kerja-Kerja Pemeliharaan Tepi Jalan**

**Borang Pendaftaran Syarikat (Jika belum berdaftar):**
BND10.00
-Tidak Dikembalikan-

**Borang Sebut Harga:**
BND5.00
-Tidak Dikembalikan-

---

**JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Iklan Tawaran**

**Tajuk Tawaran:**
Replacement of Existing Fire Hydrant (Old Model / Damaged / Faulty) for Negara Brunei Darussalam

**Bilangan Tawaran:**
JBDP / DFR / KHEDN / LTN / 005.12 / 25

**Tender Fee:**
BND100.00
(Satu Ratus Ringgit Sahaja)

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
24 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**PEMBERITAHUAN TAWARAN KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF/DFA/FY2025/MAB/TA/02
Pembelian Membaharui Lesen Bagi Perisian Recorded Future (3 Years License Renewal)

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Terakhir Bagi Pembelian Borang Tawaran Adalah Seminggu Sebelum Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 17 Jun 2025.

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF/DFA/FY2025/MAB/TA/03
Pembelian Membaharui Lesen Bagi Patch Management (3 Years License Renewal)

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF/DFA/FY2025/MAB/TA/04
Pembelian Membaharui Lesen Bagi Vulnerability Scanner (5 Years License Renewal)

**YURAN TAWARAN:**
BND10.00 (Tidak dikembalikan)
Tarikh Terakhir Bagi Pembelian Borang Tawaran Adalah Seminggu Sebelum Tarikh Tutup Tawaran:
Selasa, 17 Jun 2025.

**TARIKH TUTUP TAWARAN:**
Selasa, 24 Jun 2025.
2.00 Petang.

---

**PUSAT PENGURUSAN BENCANA KEBANGSAAN KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**
(10) NDMC / TSH / 2025-2026
Perkhidmatan Jamuan Untuk Petugas Yang Berkhidmat Dalam Pengurusan Bencana Koordinasi Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC) [Makanan Dan Minuman – Secara Tapau Dan Berhidang] Bagi Tempoh Satu (01) Tahun

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu, 18 Jun 2025.
Jam 2.00 Petang.

# IMBASAN MINGGUAN



MENZAHIRKAN rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala sempena memperingati pertukaran nama sekolah kepada Sekolah Arab Sultan Haji Hassanal Bolkiah (SASHHB). - Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman.



SEBAHAGIAN yang hadir pada Majlis Sembahyang Maghrib Berjemaah, Bacaan Surah Yaa Siin dan Doa Kesyukuran bersempena Sambutan 25 Tahun Desentralisasi Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan Asasi, Kementerian Kesihatan bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

SEMANGAT waja yang diperlihatkan oleh Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bersempena Sambutan Hari Ulang Tahun ABDB pada tahun ini bertemakan 'Bersama Bersatu Mencapai Cita Negara', menzahirkan semangat kesatuan dan iltizam ABDB. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.





SERAMAI sembilan orang anak damit telah dicatatkan kelahiran bertepatan pada tarikh bersejarah iaitu 31 Mei tahun ini sempena Hari Ulang Tahun ABDB yang Ke-64. - Foto : Hernie Suliana Haji Othman.

SEKITAR aksi perlawanan antara pasukan Hydra bertemu dengan Young Bees pada pusingan pertama Liga Bola Jaring Kebangsaan Brunei (BNL) 2025 berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.





ANTARA aksi perlawanan Kejohanan Pingpong Kebangsaan 2025 yang diadakan di Kompleks Sukan Tutong. - Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas.

## Khutbah Khas Hari Raya Aidiladha di Jame' 'Asr Hassanil Bolkiah, Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi

# BERSYUKUR KETIKA MENDAPAT NIKMAT, BERSABAR, REDA KETIKA DITIMPA MUSIBAH



**KHUTBAH dibacakan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Yang Arif Awang Haji Hassan bin Haji Metali.**

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**

**ALHAMDULILLAH** kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberi kesempatan lagi meraikan Hari Raya Aidiladha pada tahun ini. Segala puji bagi Allah yang masih memberikan ruang kepada kita untuk terus mengingati dan meneladani sirah pengorbanan Nabi Ibrahim dan puteranya Nabi Ismail Alahissalam. Tatkala Baginda diperintahkan untuk mengorbankan puteranya itu, tiada sekelumit pun keraguan antara kasih seorang bapa menandingi cintanya kepada Allah. Lantas apabila perintah Allah datang, Baginda dengan rela hati tunduk dan patuh sepenuhnya. Inilah manifestasi puncak ketakwaan dan keimanan. Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihissalam telah memperlihatkan kesabaran tanpa sempadan. Dan akhirnya, pengorbanan dan kesabaran mereka yang ikhlas itu tidak disia-siakan Allah dengan balasan dan ganjaran yang lebih baik. Berfirman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah As-Saffat, ayat 105 :

**Tafsirnya** : "*Sesungguhnya engkau telah mengakui benarnya mimpi itu (dan melaksanakannya). Sesungguhnya demikianlah Kami kurniakan ganjaran kepada orang-orang yang berbuat kebaikan*".

Begitulah Aidiladha, ia bukan sekadar perayaan tetapi adalah peringatan yang besar ertinya kepada kita tentang makna sebenar akan pengorbanan serta nilai kesabaran dan kepentingan bersyukur ke atas setiap nikmat yang dikurniakan. Aidiladha juga menjadi medan muhasabah untuk kita menilai sejauh mana kita sabar menghadapi ujian dan cabaran dalam menjalani hidup ini.

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**

Dalam kehidupan ini, kita telah melalui pelbagai pengalaman dan peristiwa suka dan duka sama ada sejarah individu, dalam lingkungan keluarga, mahupun dalam kehidupan bermasyarakat. Sesungguhnya segala apa yang berlaku itu adalah dengan kehendak dan ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala, maka hendaklah kita menerima dengan penuh rasa syukur dan reda. Bersyukur ketika mendapat nikmat dan bersabar serta reda ketika ditimpa musibah. Inilah dua sifat utama yang mendekatkan seseorang hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Nikmat yang diperoleh hendaklah disyukuri dan jangan sekali-kali dikufuri. Jika kita mensyukurinya, Allah akan menambah nikmat itu. Sebaliknya jika kita mengkufurinya iaitu tidak mempergunakannya dengan baik, maka nikmat tersebut bukan saja akan hilang bahkan boleh mendatangkan azab dan derita. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7 :

**Tafsirnya** : "*Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras*".

Dan realiti dalam kehidupan kita ini, ada yang diberi nikmat bernasib baik dengan mendapat rezeki *menumpok* dari bahagian harta pusaka peninggalan orang tua. Dengan peninggalan harta pusaka itu, orang tua berharap anak-anak akan hidup senang dan tidak berasa susah selepas mereka mati. Orang tua juga berharap anak-anak akan menggunakannya dengan sebaiknya termasuk berharap agar ada amal daripada anak-anak mereka akan menjadi pahala kepada mereka di alam kubur.

Itu harapan ibu bapa orang tua *kitani*. Namun, saudara-saudara umat Islam, apa yang menjadi pengalaman khatib sebagai seorang hakim tidaklah sama dengan impian ibu atau bapa kita sebagai orang tua. Bahkan realitinya harta pusaka yang ditinggalkan itu akhirnya menjadi petaka membawa keretakan hubungan keluarga. Adik-beradik tidak bertegur sapa, memutus silaturahim, saling membenci dan menimbulkan tohmah dan fitnah sesama sedarah sedaging.

Harta pusaka yang sepatutnya dibahagikan mengikut hukum syarak, tidak dibahagikan sebagaimana mengikut hukum faraid yang telah dikeluarkan oleh mahkamah. Ada ahli waris yang membolot harta sepenuhnya dengan tidak memberikan hak kepada ahli waris yang lain melalui jalan licik termasuk menyalahgunakan amanah dan tanggungjawab sebagai pentadbir harta yang dilantik. Bahkan ada yang menggunakan harta tersebut sebagai modal perniagaan tanpa pengetahuan apatah lagi kebenaran daripada ahli waris. Dan yang amat menyedihkan apabila harta waris yang diselewengkan itu adalah harta yang melibatkan anak yatim. Allah Subhanahu Wata'ala memberi peringatan keras kepada orang yang memakan harta anak yatim dengan jalan salah sebagaimana firman :

**Tafsirnya** : "*Sesungguhnya orang yang memakan harta anak yatim secara zalim, sebenarnya mereka itu menelan api dalam perutnya dan mereka akan masuk ke dalam api yang menyala-nyala (neraka)*". (Surah An-Nisa, ayat 10)

Harta waris bukan hanya setakat wang ringgit, rumah atau kereta bahkan merangkumi apa jua peninggalan si mati seperti pakaian, jam, cincin, beg, kasut bahkan selipar Jepun juga jika ia kepunyaan si mati ia adalah menjadi harta waris yang perlu dibahagikan kepada ahli waris. Cuma kaedah dan cara pembahagian adalah atas kebijaksanaan dan reda semua ahli waris. Dan jangan sekali-kali menggunakan harta si mati bagi tujuan lain seperti mencetak buku Yaa Siin, mengadakan Majlis Tahlil, menambah kubur dan sebagainya kecuali atas persetujuan dan reda semua ahli waris kerana harta itu telah menjadi hak ahli waris.

Khatib ingin mengongsikan satu pengalaman khatib yang pernah berlaku dalam satu kes pertelingkahan pembahagian harta pusaka dalam kalangan ahli waris. Kes ini bukan berbulan bahkan bertahun dalam proses perbicaraan kerana pelbagai alasan berpunca daripada pihak-pihak. Akhirnya apa yang berlaku saudara-saudara umat Islam, di akhir rundingan *sulh* dilakukan, ahli waris yang bertelingkah yang menunjuk gagah di awal-awal kes akhirnya bersetuju pembahagian harta waris bernilai jutaan ringgit untuk diselesaikan secara baik. Khatib sendiri pun hairan dengan persetujuan tersebut dan minta penjelasan. Ahli waris itu memaklumkan bahawa ia telah bermimpi berjumpa dengan nampak bapanya di dalam kubur dengan hanya berseluar puntung, berseluar *buntak* saudara-saudara umat Islam sekalian. Dia berasa insaf dengan apa yang ditunjukkan oleh Allah Subhanahu Wata'ala itu yang ia berpendapat bapanya tidak mendapat apa-apa di alam kubur hanya kosong semata-mata dan perkara ini telah memberikan keinsafan kepadanya dan akhirnya pertelingkahan harta waris itu dapat diselesaikan dengan mudah dan secara kekeluargaan.

Ambillah iktibar daripada pengalaman saudara kita itu supaya kita mengutamakan hubungan silaturahim daripada mengejar harta semata-mata. "Anak-anak berebut harta di atas tanah ini namun nasib ibu bapa di bawah tanah di dalam kubur itu tidak diketahui. Entah amankah mereka, entah tenangkah mereka". Kita berharap kisah pengorbanan yang berlaku ke atas Nabi Ibrahim Alahissalam dan isteri Baginda pada Hari Korban ini sebagai simbol pengorbanan ibu bapa kita kepada anak-anak yang sanggup berkorban untuk anak-anak dan memang sepatutnya anak-anak juga lebih lagi sanggup berkorban untuk ibu bapa mereka sebagaimana pengorbanan Nabi Ismail Alaihissalam.

Di atas mimbar yang mulia ini, khatib menyeru : kembalilah kepada Allah, jika ada dalam kalangan kita yang mengambil harta atau hak orang lain, maka serahkanlah kembali kepada mereka dan memohon ampunlah kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Semoga Allah mengurniakan keampunannya.

Jika kita sebagai orang tua yang mungkin mempunyai harta atau aset yang banyak dan berasa takut berlaku pertelingkahan anak-anak atau ahli waris setelah kita mati sebaiknya kita hendaklah bertindak bijak dengan membuat pengurusan harta dengan membahagikan semasa hidup harta yang ada melalui kaedah seperti hibah, wasiat atau sebagainya. Cara seperti ini adalah lebih mengurangkan atau menghapuskan risiko pertelingkahan keluarga selepas kematian.

Undang-undang dan akta yang berkait harta orang Islam seperti harta pusaka, hibah wasiat dan sebagainya sudah ada termaktub dan menjadi kuasa Mahkamah-mahkamah Syariah. Maka pihak-pihak yang merasakan diri mereka perlu pembelaan untuk mendapatkan keadilan atau menuntut hak mereka sebaiknya melalui proses undang-undang melalui mahkamah adalah jalan terbaik.

Kuasa-kuasa Mahkamah Syariah adalah kuasa eksklusif yang diberikan oleh undang-undang di bawah Bab 5 daripada Akta Penggal 184 yang tidak akan dapat dicabar di mahkamah lain. Penyataan ini sekali gus boleh menjawab kekhuatiran segelintir pihak berhubung *viral*nya di media sosial harta yang telah dihibahkan diputuskan tidak sah yang dicabar di Mahkamah Sivil di negara lain. Kuasa-kuasa Mahkamah Syariah di Negara Brunei Darussalam ini adalah berbeza dengan kuasa-kuasa Mahkamah Syariah di negara lain. Kes seperti ini telah pernah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Negara Brunei Darussalam dalam kes sivil Saman Pemula No. 39 Tahun 2008 yang memutuskan menolak permohonan yang ada kaitan harta orang Islam yang mana Mahkamah Tinggi tersebut telah membuat keputusan bahawa Mahkamah Syariah adalah bidang kuasa untuk mendengar kes berkait harta di mati yang beragama Islam. Maka dalam hal ini tiada isu berbangkit seperti yang *viral* tersebut di Negara Brunei Darussalam ini.

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**

Aidiladha sememangnya dikaitkan dengan ibadah haji dan ibadah korban. Ibadah haji adalah ibadah yang melambangkan perpaduan umat Islam di seluruh dunia sebagai umat yang mentauhidkan Allah Subhanahu Wata'ala dan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Sementara ibadah korban pula ialah penyataan yang lahir daripada keimanan dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala bagi memperoleh keredaan serta keampunannya.

Dalam suasana kita meraikan Aidiladha ini, kita memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya dilanjutkan usia dan iman dan amal soleh. Apa pun ujian yang datang menimpa, kita hendaklah bersabar kerana setiap ujian itu pasti ada hikmah di sebaliknya. Bersangka baiklah terhadap segala ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala serta berusahalah menghadapi ujian tersebut dengan mencari jalan penyelesaian, berdoa dan bertawakal. Hayati dan contohi semangat korban dengan keteguhan hati dan menjadikannya asbab untuk kita lebih mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya ujian itu adalah untuk menguji sejauh mana kekuatan iman dan kesabaran kita. Semoga dengan itu kita dapat mensyukuri nikmat dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala serta menginsafi, menempuhi dengan tabah dan sabar terhadap apa jua musibah yang menimpa. Apa yang penting kita berazam supaya tetap berada dalam batas-batas kehidupan yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 132 :

**Tafsirnya** : "*Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan agama itu kepada anak-anaknya dan demikian juga Nabi Yakub. (Nabi Ibrahim Alaihissalam berkata) : Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama (Islam) ini bagi kamu maka janganlah sekali-kali kamu mati melainkan kamu tetap sebagai orang Islam*".

**DALAM kehidupan ini, kita telah melalui pelbagai pengalaman dan peristiwa suka dan duka sama ada sejarah individu, dalam lingkungan keluarga, mahupun dalam kehidupan bermasyarakat. Sesungguhnya segala apa yang berlaku itu adalah dengan kehendak dan ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala, maka hendaklah kita menerima dengan penuh rasa syukur dan reda. Bersyukur ketika mendapat nikmat dan bersabar serta reda ketika ditimpa musibah. Inilah dua sifat utama yang mendekatkan seseorang hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Nikmat yang diperoleh hendaklah disyukuri dan jangan sekali-kali dikufuri. Jika kita mensyukurinya, Allah akan menambah nikmat itu. Sebaliknya jika kita mengkufurinya iaitu tidak mempergunakannya dengan baik, maka nikmat tersebut bukan saja akan hilang bahkan boleh mendatangkan azab dan derita.**

# Khutbah Hari Raya Aidiladha Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi

## Khutbah Pertama

## BERSANGKA BAIK TERHADAP SEGALA KETENTUAN, KETETAPAN ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**

**ALHAMDULILLAH** kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana diberi kesempatan lagi meraikan Hari Raya Aidiladha pada tahun ini. Segala puji bagi Allah yang masih memberikan ruang kepada kita untuk terus mengingati dan meneladani sirah pengorbanan Nabi Ibrahim dan puteranya Nabi Ismail Alaihissalam. Tatkala Baginda diperintahkan untuk mengorbankan puteranya itu, tiada sekalipun keraguan antara kasih seorang bapa menandingi cintanya kepada Allah. Lantas apabila perintah Allah datang, Baginda dengan rela hati tunduk dan patuh sepenuhnya. Inilah manifestasi puncak ketakwaan dan keimanan. Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihissalam telah memperlihatkan kesabaran tanpa sempadan. Dan akhirnya, pengorbanan dan kesabaran mereka yang ikhlas itu tidak disia-siakan Allah dengan balasan dan ganjaran yang lebih baik. Berfirman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Saffat, ayat 105 :

**Tafsirnya :** "*Sesungguhnya engkau telah mengakui benarnya mimpi itu (dan melaksanakannya). Sesungguhnya demikianlah Kami mengurniakan ganjaran kepada orang-orang yang berbuat kebaikan*".

Begitulah Aidiladha, ia bukan sekadar perayaan tetapi adalah peringatan yang besar ertinya kepada kita tentang makna sebenar pengorbanan serta nilai kesabaran dan kepentingan bersyukur ke atas setiap nikmat yang dikurniakan. Aidiladha juga menjadi medan muhasabah untuk kita menilai sejauh mana kita sabar menghadapi ujian dan cabaran dalam menjalani hidup ini.

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**

Dalam kehidupan ini, kita telah melalui pelbagai pengalaman dan peristiwa suka dan duka sama ada secara individu, dalam lingkungan keluarga, mahupun dalam kehidupan bermasyarakat. Sesungguhnya segala apa yang berlaku itu adalah dengan kehendak dan ketentuan Allah Subhanahu Wata'ala, maka hendaklah kita menerima dengan penuh rasa syukur dan reda. Bersyukur ketika mendapat nikmat dan bersabar serta reda ketika ditimpa musibah. Inilah dua sifat utama yang mendekatkan seseorang hamba kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Nikmat yang diperoleh hendaklah disyukuri dan jangan sekali-kali dikufuri. Jika jika mensyukurinya, Allah akan menambah nikmat itu. Sebaliknya jika kita mengkufurinya iaitu tidak mempergunakannya dengan baik, maka nikmat tersebut bukan saja akan hilang bahkan boleh mendatangkan azab dan derita. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ibrahim, ayat 7 :

**Tafsirnya :** "*Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras*".

Begitu juga apabila ditimpa perkara yang malang dan menyedihkan, hendaklah diterima dengan penuh keredaan, kesabaran dan ketabahan. Semuanya itu adalah ujian daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 155-156 :

**Tafsirnya :** "*Dan sesungguhnya Kami pasti akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut dan kelaparan dan kekurangan harta benda dan jiwa dan buah-buahan (kerana Kami hendak melihat sama ada kamu sabar atau tidak atas ujian itu). Dan sampaikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar. Iaitu orang-orang yang apabila ditimpa oleh sesuatu musibah mereka berkata : (sesungguhnya kami adalah kepunyaan Allah dan kepada-Nya jualah kami kembali)*".

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**

Aidiladha sememangnya dikaitkan dengan ibadah haji dan ibadah korban. Ibadah haji adalah ibadah yang melambangkan perpaduan umat Islam di seluruh dunia sebagai umat yang mentauhidkan Allah Subhanahu Wata'ala dan ajaran yang dibawa oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam. Sementara ibadah korban pula ialah penyataan yang lahir daripada keimanan dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala bagi memperoleh keredaan serta keampunan-Nya.

Sesungguhnya ibadah haji dan korban itu kedua-duanya adalah ibadah yang berasal daripada syariah Nabi Ibrahim Alaihissalam. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Hajj, ayat 26 :

**Tafsirnya :** "*Dan (ingatlah) ketika Kami menentukan bagi Nabi Ibrahim tempat Kaabah (untuk membinanya lalu Kami berfirman kepadanya) : Janganlah engkau sekutukan Aku dengan sesuatu pun dan bersihkanlah rumah-Ku (Kaabah ini daripada berhala) bagi orang-orang yang tawaf dan orang-orang yang berdiri, rukuk dan sujud (orang-orang yang mengerjakan sembahyang)*".

Ayat tersebut mengajak kita mengingati peristiwa bersejarah ketika Allah Subhanahu Wata'ala menentukan tempat bagi Ibrahim Alaihissalam untuk membina Kaabah. Dalam masa yang sama Nabi Ibrahim Alaihissalam diperintahkan untuk memastikan Kaabah itu suci daripada syirik. Tidak membenarkannya dijadikan tempat suci ini dikongsikan dengan fahaman agama yang syirik yang bertentangan dengan akidah Islam. Kemudian ayat tersebut disusuli dengan ayat 27 yang memerintahkan Nabi Ibrahim Alaihissalam supaya menyeru manusia untuk mengerjakan ibadah haji. Firman Allah Subhanahu Wata'ala :

**Tafsirnya :** "*Dan serulah manusia untuk mengerjakan ibadah haji nescaya mereka akan datang kepada-Mu (rumah Tuhanmu) dengan berjalan kaki dan dengan menunggang berjenis-jenis unta yang kurus (disebabkan lamanya perjalanan) yang datang daripada segenap penjuru yang jauh*".

Demikianlah saudara-saudara yang dirahmati Allah, dalam suasana kita meraikan Aidiladha ini, kita memohon kepada Allah Subhanahu Wata'ala supaya dilanjutkan usia dalam iman dan amal soleh. Apa pun ujian yang datang menimpa, kita hendaklah bersabar kerana setiap ujian itu pasti ada hikmah di sebaliknya. Bersangka baiklah terhadap segala ketentuan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala serta berusahalah menghadapi ujian tersebut dengan mencari jalan penyelesaian, berdoa dan bertawakal. Hayati dan contohi semangat korban dengan keteguhan hati dan menjadikannya asbab untuk kita lebih mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Sesungguhnya ujian itu adalah untuk menguji sejauh mana kekuatan iman dan kesabaran kita. Semoga dengan itu kita dapat mensyukuri nikmat dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala serta menginsafi, menempuhi dengan tabah dan sabar terhadap apa jua musibah yang menimpa. Apa yang penting kita berazam supaya tetap berada dalam batas-batas kehidupan yang diredai Allah Subhanahu Wata'ala. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 132 :

**Tafsirnya :** "*Dan Nabi Ibrahim pun berwasiat dengan agama kita kepada anak-anaknya dan demikian juga Nabi Yakub. (Nabi Ibrahim Alaihissalam berkata) : Wahai anak-anakku! Sesungguhnya Allah telah memilih agama (Islam) ini bagi kamu maka janganlah sekali-kali kamu mati melainkan kamu tetap sebagai orang Islam*".

## Khutbah Kedua

## Amalkan semangat pengorbanan demi kesejahteraan ummah

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**

**AIDILADHA** atau Hari Raya Haji adalah salah satu di antara hari-hari kebesaran Islam yang mesti dibesarkan menurut selayaknya dengan bertakbir, mendirikan Sembahyang Sunat Hari Raya dan menyembelih binatang korban. Ia bukan sekadar perayaan biasa tetapi hari yang mengangkat makna pengorbanan, kesabaran dan kesyukuran.

Takbir pada Hari Raya Adha dinamakan dengan Takbir Muqayyad dan ia sunat dilaungkan setiap kali selepas menunaikan sembahyang fardu atau sembahyang sunat dan berterusan sehingga selesai menunaikan Sembahyang Asar pada hari tasyrik yang terakhir.

Pada hari ini, umat Islam yang berkemampuan dan berhajat untuk melakukan ibadah korban akan menyembelih binatang korban sebagai tanda syukur dan cinta terhadap Allah Subhanahu Wata'ala kerana agama Islam telah mensyariatkan ibadah korban ini sebagai salah satu cara untuk mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Ibadah korban merupakan antara amalan yang amat disukai oleh Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam di mana Baginda sentiasa menggalakkan sahabat-sahabatnya melakukan ibadah korban. Ini memandangkan ibadah korban itu mempunyai banyak hikmah dan kelebihan. Oleh yang demikian, sebagai umat Islam yang mampu seharusnya mengambil iktibar terhadap galakan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam untuk berbuat demikian.

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**

Korban dari segi bahasa bererti dekat dan dari segi istilah syarak pula bererti mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala dengan jalan menyembelih binatang dengan niat yang tertentu dan dalam waktu yang tertentu. Waktu menyembelih korban ialah selepas naik matahari pada Hari Raya Adha sekadar berlalu sembahyang dua rakaat dan dua khutbah. Masa korban itu berkekalan sehingga terbenam matahari akhir hari tasyrik iaitu hari ke-13 Zulhijah. Jika ibadah korban dilakukan sebelum dan selepas waktu tersebut, maka tidaklah dikira ibadah korban, sebagaimana hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, daripada Al-Bara' bin Azib Radiallahuanhu, telah bersabda Nabi Sallallahu Alaihissalam :

**Maksudnya :** "*Bahawa yang mula-mula kami lakukan pada hari ini (Hari Raya Adha), kami sembahyang kemudian kami balik ke rumah, selepas itu kami menyembelih korban, maka siapa yang membuat seperti yang demikian maka sesungguhnya dia memperoleh sunat (ibadah) kami dan siapa yang menyembelih sebelum sembahyang, maka yang demikian itu hanyalah daging biasa yang dibahagi-bahagikan kepada keluarga, bukanlah yang demikian itu termasuk dalam ibadah korban*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Menurut Mazhab Al-Imam Al-Syafi'i, hukum ibadah korban ialah sunat muakkadah dan binatang-binatang yang hendak dikorbankan itu hendaklah terdiri daripada unta, lembu, kerbau, kambing dan biri-biri dengan syarat binatang yang hendak dikorbankan itu hendaklah selamat daripada aib yakni kecacatan mengikut hukum syarak.

Ibadah korban terbahagi kepada dua : Korban Nazar dan Korban Sunat. Menurut hukum syarak daging Korban Nazar wajib disedekahkan keseluruhannya. Sementara daging Korban Sunat dilakukan dalam dua keadaan seperti berikut :

**Pertama :** Kesemua daging korban tersebut disedekahkan kepada fakir dan miskin dan bagi orang yang berkorban bolehlah mengambil sedikit sekadar beberapa suap untuk mengambil berkat daripada korban tersebut.

**Kedua :** Daging korban tersebut dibahagikan kepada tiga bahagian iaitu satu pertiga disedekahkan kepada fakir miskin, satu pertiga dihadiahkan kepada umat Islam dan satu pertiga untuk orang yang berkorban.

Sesungguhnya amalan ibadah korban itu mengandungi banyak hikmah dan fadilat, antaranya :

**Pertama :** Untuk diambil iktibar dan pengajaran terhadap ketaatan Nabi Ibrahim Alaihissalam dalam menjunjung perintah Allah Subhanahu Wata'ala yang memerintahkannya untuk menyembelih puteranya Nabi Ismail Alaihissalam sebagai korban. Akan tetapi Allah Maha Pengasih lagi Maha Penyayang telah menggantikannya dengan seekor kibas, sebagaimana firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah As-Saffat, ayat 102 :

**Tafsirnya :** "*Maka apabila anaknya itu sampai (kepada peringkat umur yang membolehkannya) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata : Wahai anakku! Sesungguhnya aku bermimpi menyembelihmu maka fikirkanlah apa pendapatmu. Nabi Ismail berkata : Wahai bapaku! Lakukanlah apa yang diperintahkan kepadamu, insyaaAllah bapa akan mendapati aku daripada orang-orang yang sabar*".

**Kedua :** Memupuk sikap pemedulian dan keprihatinan terhadap masyarakat iaitu dengan mengagihkan daging-daging korban kepada mereka yang berhak menerimanya sebagai makanan dan meluaskan rezeki khususnya kepada para fakir miskin sempena Hari Raya Korban.

**Ketiga :** Melahirkan tanda kesyukuran kepada Allah Subhanahu Wata'ala terhadap nikmat hidup yang telah diberikannya.

**Keempat :** Menyemai dan menanamkan sifat murni ke dalam diri dengan mencontohi kesabaran dan ketabahan Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihissalam dan sifat mereka yang mengutamakan ketaatan dan rasa cinta kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

**Allahuakbar, Allahuakbar, Allahuakbar**

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana kita di negara ini sedar dan peka akan kelebihan ibadah korban di mana setiap kali kedatangan Aidiladha, amalan korban akan dilaksanakan di sana sini seperti masjid-masjid, di sektor-sektor awam dan swasta dan tidak kurang juga mengadakan ibadah korban secara persendirian di rumah masing-masing.

Dengan adanya ibadah korban, jelas membuktikan wujudnya suasana kerjasama dan bantu-membantu di antara semua pihak. Di samping kita mengharapkan ibadah korban kita diterima oleh Allah Subhanahu Wata'ala maka dalam keghairahan kita melakukan amalan berkorban itu perlu juga diingat supaya mana-mana bahagian binatang korban yang tidak diperlukan seperti tulang, perut dan sebagainya hendaklah disempurnakan dengan cara menanamnya. Manakala di tempat majlis korban diadakan pula jika terdapat sisa-sisa dan darah binatang korban yang masih ada, hendaklah dibersihkan bagi mengelakkan bau busuk dan persekitaran yang kurang menyenangkan.

Akhirnya, semoga Aidiladha menjadi peringatan kepada kita untuk terus memperteguhkan iman, menanam sifat syukur dan sabar dalam diri serta mengamalkan semangat pengorbanan demi kesejahteraan ummah. Kita gunakan kesempatan ini untuk mengeratkan silaturahim dan meningkatkan amal soleh demi mencari reda Allah Subhanahu Wata'ala. Sama-sama kita berdoa semoga setiap amal kebajikan yang kita lakukan termasuk amalan korban kita akan diterima dan mendapat ganjaran pahala yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala, *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya :** "*Dan bagi tiap-tiap umat (sebelum kamu), Kami syariatkan ibadah penyembelihan korban supaya mereka menyebut nama Allah atas rezeki yang dikurniakan Allah kepada mereka daripada binatang ternakan. Maka Tuhan kamu adalah Tuhan yang Maha Esa kerana itu berserah dirilah kamu kepada-Nya dan sampaikanlah khabar gembira (wahai Nabi Muhammad) kepada orang-orang yang tunduk taat (kepada Allah)*". (Surah Al-Hajj, ayat 34)

# KHUTBAH PERTAMA

## SIRAH PENGORBANAN NABI IBRAHIM DAN NABI ISMAIL A.S

Nabi Ibrahim dan puteranya Nabi Ismail A.S telah memperlihatkan kesabaran tanpa sempadan.

Pengorbanan & kesabaran yang ikhlas dibalas dengan ganjaran yang lebih baik

## IBADAT HAJI & KORBAN SYARIAT NABI IBRAHIM A.S

**IBADAT HAJI** : Lambang perpaduan umat Islam

sebagai umat yang mentauhidkan Allah S.W.T

**IBADAT KORBAN** : Pernyataan yang lahir daripada keimanan

dengan tujuan mendekatkan diri kepada Allah S.W.T

> "Ujian daripada Allah S.W.T itu hendaklah diterima dengan keinsafan, kesabaran dan ketabahan"

Hadapi ujian tersebut dengan mencari jalan peyelesaian, berdoa, bertawakal dan mendekatkan diri kepada Allah S.W.T

Hayati dan contohi semangat korban dengan keteguhan hati



# KHUTBAH HARI RAYA AIDILADHA 1446H/2025M

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# KHUTBAH KEDUA

Hukum korban menurut Mazhab Syafi'e: Sunat muakkadah, dan binatang mestilah tidak cacat

**IBADAT KORBAN** →
- KORBAN NAZAR
- KORBAN SUNAT

**KORBAN NAZAR** : Wajib disedekahkan keseluruhannya

**KORBAN SUNAT** :
- ✓ Kesemua daging korban disedekahkan kepada Fakir dan miskin
- ✓ Daging korban dibahagikan tiga bahagian

⅓: fakir miskin, ⅓: umat Islam, ⅓:Orang yang berkorban

## HIKMAH KORBAN

- Untuk diambil iktibar terhadap ketaatan Nabi Ibrahim A.S dalam menjunjung perintah Allah S.W.T
- Memupuk sifat pemedulian dan keprihatinan terhadap masyarakat
- Tanda syukur atas nikmat Allah S.W.T
- Menyemai dan menanamkan sifat murni ke dalam diri

BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN, JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



# Pelihara kelestarian laut

Oleh : Nurul Rasyidah Mohamad Rosland
Foto : Jabatan Penerangan, Ihsan Poni Divers

**LAUTAN** merupakan nadi kehidupan bumi. Ia menyimpan khazanah biodiversiti yang luas dan menghasilkan oksigen yang kita hirup serta menjadi sumber rezeki kepada berjuta-juta manusia di dunia. Tanpa disedari, lautan memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan kita seharian mulai daripada makanan yang dihidangkan di meja hinggalah kepada kestabilan iklim global.

### Ancaman terhadap laut

Namun, dalam kesibukan dunia moden, lautan sering dilupakan dan dipandang sepi sehingga kini terancam pelbagai krisis. Pencemaran plastik, penangkapan ikan secara berlebihan, pemanasan global, pencerobohan kawasan terumbu karang dan tumpahan minyak merupakan antara faktor utama yang mengancam kelestarian ekosistem marin. Pembuangan domestik seperti sampah plastik, sisa industri juga antara perbuatan manusia yang mengganggu dan membunuh habitat serta hidupan marin. Plastik yang tidak terurai boleh memerangkap hidupan laut atau dimakan secara tidak sengaja yang akhirnya membawa kepada kematian haiwan tersebut.

Selain itu, kegiatan perindustrian dan pertanian yang tidak terkawal menyebabkan bahan kimia, baja dan sisa toksik mengalir ke laut melalui sungai. Ini menyebabkan masalah seperti air laut tercemar dan kawasan laut yang kekurangan oksigen hingga haiwan laut tidak dapat hidup di situ. Pemanasan global turut memberi kesan besar terhadap lautan. Suhu laut yang meningkat menyebabkan pemutihan terumbu karang (*coral bleaching*) yang merosakkan habitat penting bagi ribuan spesies marin.

Oleh itu, bagi mengembalikan perhatian masyarakat dunia terhadap kepentingan dan kelestarian laut, pada 8 Jun setiap tahun diiktiraf sebagai Hari Lautan Sedunia. Sambutan ini bukan sekadar simbolik tetapi merupakan seruan global untuk bertindak. Pelbagai program dilakukan yang bertujuan untuk meningkatkan kesedaran awam terhadap kepentingan memelihara ekosistem marin. Selain itu, ia juga sebagai tanda penghargaan dan kesedaran terhadap peranan penting lautan dalam kehidupan manusia. Tahun ini, tema bagi Hari Lautan Sedunia 2025 ialah Tindakan Pemangkin untuk Lautan dan Iklim Kita.

### Tanggungjawab bersama memelihara laut

Memelihara laut bukanlah tanggungjawab kerajaan atau organisasi bukan kerajaan (NGO) semata-mata tetapi memerlukan kerjasama dan penglibatan aktif seluruh lapisan masyarakat. Setiap individu mempunyai peranan dalam menjaga kebersihan dan kelestarian laut, sama ada secara langsung atau tidak. Antara langkah yang boleh diambil termasuk pengurangan penggunaan plastik, mengitar semula sisa, menyokong produk hasil laut yang ditangkap secara lestari dan menyertai aktiviti pembersihan pantai atau program pemuliharaan laut.

Negara Brunei Darussalam (NBD) juga tidak terkecuali daripada menghadapi cabaran pencemaran laut khususnya akibat pembuangan sampah plastik ke laut, limpahan minyak dan aktiviti manusia yang tidak bertanggungjawab. Namun begitu, kerajaan di negara ini telah melaksanakan pelbagai inisiatif dalam usaha melindungi dan memulihara sumber marin negara.

Antara langkah yang diambil termasuk penguatkuasaan undang-undang perikanan bagi mencegah penangkapan ikan secara haram dan tidak terkawal. Program pendidikan dan kesedaran tentang penjagaan laut dan alam sekitar juga giat dilaksanakan di negara ini melalui kerjasama antara agensi kerajaan, sekolah, NGO dan masyarakat setempat. Kempen seperti 'No Plastic Bag Day', pembersihan pantai dan program pendidikan mengenai penjagaan laut di sekolah boleh membantu mendidik masyarakat tentang kepentingan melindungi laut sebagai khazanah negara.

Selain itu, penggunaan teknologi moden dalam pemantauan dan mengkaji laut perlu dipertingkatkan. Kajian tentang haiwan dan tumbuhan laut, perubahan iklim dan pencemaran sangat penting untuk merancang cara pengurusan yang lebih baik dan berkesan.

Bagi negara seperti NBD, lautan bukan sahaja sumber ekonomi dan makanan tetapi juga warisan semula jadi yang perlu dipelihara untuk generasi akan datang. Oleh itu, marilah kita jadikan Hari Lautan Sedunia sebagai satu peringatan untuk terus menghargai dan melindungi khazanah alam yang tidak ternilai ini. Setiap tindakan kecil yang kita lakukan hari ini boleh membawa perubahan besar untuk masa depan bumi yang lebih lestari.



ڤليتا بروني
PELITA BRUNEI

Oleh : Mohammad Hariz Aiman Abdullah Mochsin dengan kerjasama Meja Rencana, Seksyen Kandungan Khas, Bahagian Pelita Brunei
Foto : Mohammad Rafie Haji Roslan dari Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah



# الكندي: فيلوسوف مسلم يڠ منجمبتني تيمور دان بارت

دالم خزانه علمو إسلام، نام الكندي تركنل سباݢاي ساله سأورڠ توكوه ڤميكير يڠ هيبت دان برڤڠاروه ڤد ابد ك-٩ مسيحي.

بلياو دكنلي سباݢاي اهلي فلسفة عرب يڠ ڤرتام دان Alkindus ددنيا بارت. نام ڤنوه بلياو أبو يوسف يعقوب بن إسحاق الكندي، برأصل درڤد سوكو كندة، ساله ساتو سوكو بسر عرب سبلوم كداتڠن إسلام.

بلياو مروڤاكن كتورونن كلوارݢ بڠساون دان تركنل دالم كالڠن قومڽ. بلياو دلاهيركن سكيتر تاهون ٨٠١م دكوفه دان دڤرچاياءي منيڠݢل دنيا سكيتر تاهون ٨٧٣م دبغداد، العراق. الكندي هيدوڤ ڤد زمان دينستي عباسية دباوه ڤيمڤينن ليم خليفة ياءيت الأمين (٨٠٩-٨١٣)، المأمون (٨١٣-٨٣٣)، المعتصم (٨٣٣-٨٤٢)، الواثق (٨٤٢-٨٤٧) دان المتوكل (٨٤٧-٨٦١).

سجق اوسيا مودا، الكندي تله منونجوقكن كچينترن يڠ لوار بياسا سرتا مينت يڠ مندالم ترهادڤ ڤلباݢاي بيدڠ علمو. بلياو منداڤت ڤنديديقن يڠ ممڤلوروه دكوفه سبلوم ملنجوتكن ڤلاجرن كبغداد، يڠ كتيك ايت مروڤاكن ڤوست اينتليكتوال دنيا إسلام. دسان، بلياو مڠواساءي ببراڤ بهاس، ترماسوق بهاس يوناني دان سرياني، يڠ ممبوليهكن بلياو ممباچ سچارا لڠسوڠ كاريا٢ اهلي فلسفة دان علمون يوناني ڤوربا.

ساله ساتو سومبڠن تربسر الكندي اياله ڤرانن سباݢاي ڤنترجمه دان ڤڠولس يڠ ساڠت برڤڠاروه. ڤد زمان كݢميلڠن دينستي عباسية، بغداد مونچول سباݢاي ڤوست اوتام ݢرقن بسر-بسرن يڠ دكنلي سباݢاي ݢرقن ڤنترجمهن دبيت الحكمة. الكندي ترليبت سچارا اكتيف دالم اوسها اين دڠن منترجمه دان مڠولس باڽق كاريا اهلي فلسفة دان علمون يوناني سڤرتي أرسطو، أفلاطون دان إقليدس. بلياو بوكن سهاج منترجمه سچارا ليترل، تتاڤي جوݢ مڠاناليسيس، مڠكريتيك دان ميموسون سمولا ايديا٢ ترسبوت اݢر سلاري دڠن كرڠك ڤميكيرن إسلام. ملالوءي كارياڽ، الكندي برجاي ممڤركنلكن لوجيك أرسطو، ميتافيزيك أفلاطون دان ماتماتيك يوناني كدالم ترادييسي كعلمون دنيا إسلام.

الكندي مروڤاكن سأورڠ توكوه يڠ سربا بوليه دان چمرلڠ دالم ڤلباݢاي بيدڠ علمو. بلياو بوكن سهاج دكنلي سباݢاي اهلي فلسفة، ماله توروت منداليمي علمو ماتماتيك، ڤراوبتن، استرونومي، موزيك، لوجيك دان كيميا. كاريا-كارياڽ، ترماسوق رسالة تنتڠ موزيك، تله ممبريكن ڤڠاروه بسر ترهادڤ ڤميكيرن ڤارا علمون إسلام دان ايروڤه ڤد زمان ڤرتڠهن.

دالم بيدڠ ڤراوبتن دان كيميا، ساله ساتو سومبڠن ڤنتيڠ بلياو اياله ڤنوليسن ڤلباݢاي رسالة مڠناءي فرماكولوݢي دان كبركسنن اوبت-اوبتن. بلياو جوݢ يڠ مولا مڠاسسكن ڤمبواتن ميبق واڠي، سلڤس منجالنكن ببراڤ ايكسڤيريمن اونتوق منوكر تومبوهن كڤد ميبق ڤتي دان مڠكلابوڠكن هارومن-هارومنن يڠ واڠي.

دالم بيدڠ ماتماتيك ڤولا، الكندي دكنلي كران ممڤركنلكن ڤڠݢوناءن اڠك هيندو عرب دالم سيستم ڤڠيراءن، يڠ منجادي اساس ڤنتيڠ كڤد ڤركمبڠن ماتماتيك مودن. بلياو جوݢ مڠكاجي علمو كريڤتوݢرافي (انكريڤسي) دان مڠحاصيلكن رسالة اول تنتڠ ڤوڤوليتن ميسيج، يڠ كمودينن منجادي اساس كڤد سيستم كريڤتوݢرافي مودن.

والاوڤون الكندي تيدق سڤوڤولر اهلي فلسفة إسلام لاءين سڤرتي الفارابي، ابن سينا اتاو ابن الرشد، نامون بلياو برڤڠاروه بسر دان منجادي اينسڤيراسي كڤد توكوه٢ ترسبوت كران سومبڠن يڠ ساڠت بسر دان ڤنتيڠ. دسببكن ايت، بلياو دكنلي سباݢاي باڤ فلسفة إسلام. بلياو جوݢ ممڤاينكن ڤرانن اوتام دالم ممباوا علمو دان ڤميكيرن يوناني كدنيا إسلام. الكندي بوكن سقدر ممڤركنلكن ايديا٢ ايت، تتاڤي جوݢ ميسوايكنن دڠن اجرن إسلام. حاصيل اوسهاڽ بلياو منجادي اساس كڤد ڤركمبڠن علمو دالم دنيا إسلام سلاما راتوسن تاهون دان توروت ممڤڠاروهي كبڠكيتن علمو دايروڤه.

الكندي ممبوقتيكن بهاوا كرجاسام انتارا بودايا دان ڤركوڠسين علمو بوليه ممباوا كڤد كماجوان يڠ هيبت. ملالوءي كرجا كراس دالم منترجمه، مڠكلابوڠكن دان منچيڤتا علمو بهارو، بلياو تله ممڤركايكن تمدون إسلام دان منيڠݢلكن كسن بسر كڤد دنيا. بلياو اداله ڤرينتيس يڠ ممبوك جالن كڤد ڤركمبڠن علمو دان فلسفة دان مروڤاكن ساله سأورڠ توكوه ڤاليڠ برڤڠاروه دالم سجاره.

سومبڠن الكندي بوكن سهاج ڤنتيڠ ڤد زمانڽ، تتاڤي جوݢ تروس ممبري كسن هيڠݢ هاري اين. ڤميكيرن دان توليسنڽ منجادي ڤڠهوبوڠ علمو انتارا تيمور دان بارت. باڽق كاريا بلياو دترجمهكن كدالم بهاس لاتين دان ممبري كسن كڤد ڤميكير بارت سڤرتي روجر بيكون.

كسيمڤولنڽ، الكندي اياله توكوه علمون يڠ ساڠت ڤنتيڠ دالم سجاره تمدون إسلام دان دنيا. كڤاكرن بلياو دالم ڤلباݢاي بيدڠ منجاديكنڽ سيمبول كݢميلڠن علمو إسلام. علمو دان سومبڠنڽ ماسيه ريليۏن دان منجادي اينسڤيراسي كڤد ݢينراسي هاري اين اونتوق تروس منچيڤتاءي دان منروك علمو ڤڠتاهوان.

BERITA GLOBAL

# ARAB SAUDI GUNA ROBOT AI UNTUK TINGKATKAN PENGALAMAN HAJI

**MAKKAH**, 8 Jun. - Arab Saudi menggunakan teknologi robotik canggih dan Kecerdasan Buatan (AI) untuk menyokong jutaan jemaah haji pada musim ini, menurut kenyataan Presidensi Am bagi Hal Ehwal Masjidil Haram dan Masjid Nabawi.

Kerajaan mengintegrasikan pelbagai sistem pintar bagi meningkatkan keselamatan, kebolehcapaian dan keberkesanan dalam melaksanakan ibadah, dengan Masjidil Haram di Makkah menjadi pusat utama inovasi ini.

Antara kemajuan terkini adalah penggunaan robot generasi kedua 'Manarat Al-Haramain'.

Diletakkan di beberapa lokasi di sekitar masjid dan pekarangan, robot dikuasakan AI ini menawarkan perkhidmatan fatwa secara serta-merta dalam 15 bahasa, memberikan panduan agama masa nyata melalui suara dan teks.

Inisiatif itu adalah sebahagian daripada usaha berterusan agar seiring dengan perkembangan transformasi digital global sambil memperkayakan perjalanan rohani para jemaah.

Justeru itu, AI dimanfaatkan untuk meningkatkan komunikasi antara institusi keagamaan dan jemaah yang datang daripada pelbagai latar belakang.

Selain panduan agama, robotik juga digunakan untuk menambah baik penjagaan kesihatan dan logistik perkhidmatan di Tanah Suci.

Di Pusat Perubatan Raja Abdullah di Makkah, Kementerian Kesihatan memperkenalkan robot pembedahan yang mampu melakukan prosedur urologi, onkologi, toraks dan gastrousus yang kompleks.

Sistem yang dilancarkan oleh Menteri Kesihatan, Fahd Al-Jalajel ini dijangka dapat mengurangkan masa pemulihan dan meningkatkan ketepatan pembedahan, khususnya semasa musim haji.

Sementara itu, 'Robot Air Zamzam', yang diperkenalkan ketika pandemik COVID-19, terus mengedarkan air Zamzam dalam botol.

Setiap robot mampu mengagihkan kira-kira 30 botol setiap pusingan, beroperasi sehingga lapan jam dengan jeda 20 saat antara penghantaran bagi mengelakkan perlanggaran dan memastikan pergerakan orang ramai yang lancar.

Presidensi memaklumkan robot Zamzam memperoleh hak paten dan pensijilan CE Eropah, mengesahkan keselamatan dan piawaian operasinya.

Robot pintar juga telah digunakan sebelum ini untuk mengedarkan naskhah cetakan Al-Quran kepada para pengunjung di Masjidil Haram.

"Inovasi-inovasi ini mencerminkan visi lebih besar kerajaan untuk mengintegrasikan teknologi terkini dalam perkhidmatan agama dan meningkatkan pengalaman keseluruhan ibadah haji," menurut Presidensi.

Penggunaan AI dan robotik adalah sebahagian daripada strategi Arab Saudi untuk merajui pembangunan infrastruktur agama dan perkhidmatan digital di peringkat global, selaras dengan objektif Wawasan 2030 negara. - ©BERNAMA

# Letusan gunung berapi di Guatemala, lebih 500 orang dipindahkan

**BUENOS AIRES**, 7 Jun. - Gunung Berapi Volcán de Fuego atau Fire Volcano di Guatemala memuntahkan abu dan lava, memaksa lebih 500 orang dipindahkan setakat ini, kata agensi pengurusan bencana negara itu pada Jumaat, lapor agensi berita Jerman dpa.

Aliran lava sepanjang kira-kira 1,200 meter mengalir dari kawah, menurut Institut Nasional Seismologi, Vulkanologi, Meteorologi dan Hidrologi di platform media sosial X.

Abu dijangka boleh merebak sehingga sejauh 50 kilometer dari gunung berapi.

Gunung Berapi Volcán de Fuego setinggi hampir 3,800 meter itu terletak kira-kira 40 kilometer barat daya ibu negara, Guatemala City, dan merupakan antara gunung berapi paling aktif di Amerika Tengah.

Dalam letusan dahsyat pada 2018, ratusan orang terkorban. - ©BERNAMA

# Britain hasrat perluas hubungan dengan India semasa lawatan diplomat tertinggi

**LONDON**, 7 Jun. - Setiausaha Luar Britain, David Lammy akan berusaha memperkukuh hubungan ekonomi United Kingdom (UK)-India semasa lawatannya ke New Delhi hujung minggu ini, sambil menyifatkan perjanjian perdagangan yang dipersetujui antara kedua-dua negara itu sebagai "hanya permulaan aspirasi kita", lapor PA Media/dpa.

Perdagangan dan isu migrasi akan menjadi tumpuan utama lawatan Lammy, yang dijadual bertemu Perdana Menteri India, Narendra Modi dan Menteri Hal Ehwal Luar, S Jaishankar.

Pejabat Luar Britain memaklumkan Lammy yang dijangka tiba di New Delhi pada Sabtu, juga akan menyentuh peningkatan ketegangan susulan serangan pengganas di Pahalgam dan bagaimana tempoh keamanan yang berterusan ini dapat terus disokong demi kestabilan rantau itu.

Pakistan dan India sebelum ini bersetuju mengadakan gencatan senjata yang ditaja Amerika Syarikat bulan lalu, selepas ketegangan memuncak selepas serangan maut ke atas pelancong di Pahalgam, Kashmir.

Menjelang lawatannya, Lammy berkata : "Menandatangani perjanjian perdagangan bebas hanyalah permulaan kepada aspirasi kami - kami sedang membina kerjasama moden dengan India untuk era global yang baharu.

"Kami mahu melangkah lebih jauh untuk memupuk hubungan yang lebih erat dan bekerjasama dalam usaha merangsang pertumbuhan, memajukan teknologi inovatif, menangani krisis iklim, melaksanakan keutamaan migrasi, dan meningkatkan keselamatan untuk rakyat".

Pejabat Luar Britain berkata rundingan di New Delhi akan memberi tumpuan memperdalam dan mempelbagaikan Rakan Strategik Komprehensif antara kedua-dua negara, menurut kenyataan itu. - ©BERNAMA

# Industri Jerman hilang 100,000 pekerjaan dalam setahun

**FRANKFURT**, 7 Jun. - Krisis ekonomi yang berterusan menyebabkan industri Jerman kehilangan lebih 100,000 pekerjaan dalam tempoh setahun, menurut analisis firma audit dan perunding EY yang dikongsi dengan Agensi Akhbar Jerman dpa.

Menjelang akhir suku pertama, industri Jerman menggaji seramai 5.46 juta orang - 1.8 peratus atau 101,000 lebih rendah berbanding setahun sebelumnya, menurut data daripada Pejabat Perangkaan Persekutuan.

Sejak 2019, jumlah pekerja telah menurun sebanyak 217,000 orang atau 3.8 peratus.

Pada 2018, industri Jerman mencatat rekod tertinggi dengan sekitar 5.7 juta pekerja.

Syarikat-syarikat industri kini berdepan tekanan hebat, kata Jan Brorhilker, rakan kongsi pengurusan di EY.

"Persaingan agresif terutamanya China menurunkan harga, pasaran jualan utama menjadi lemah, permintaan di Eropah kekal pada tahap rendah dan ketidakpastian yang besar menyelubungi keseluruhan pasaran Amerika Syarikat.

"Pada masa sama, syarikat berdepan kos tinggi - termasuk tenaga dan upah," katanya.

Menurut Brorhilker, tiada tanda pemotongan pekerjaan akan berhenti dalam masa terdekat.

Hasil industri Jerman terus mencatat penurunan kecil selepas kejatuhan pada awal 2024.

Beliau menjangkakan sekurang-kurangnya 70,000 lagi pekerjaan industri akan hilang menjelang akhir tahun.

Syarikat-syarikat khususnya dalam kejuruteraan mekanikal dan automotif, telah melaksanakan program pemotongan kos.

"Kita akan terus mendengar banyak berita buruk buat masa ini sebelum keadaan beransur pulih". - ©BERNAMA

# Rakyat Itali undi referendum berkenaan isu migrasi, undang-undang buruh

**ROM**, 8 Jun. - Rakyat Itali akan mula mengundi pada Ahad dalam satu siri referendum berkaitan reformasi undang-undang pekerjaan dan mempercepatkan proses naturalisasi, lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Referendum selama dua hari itu akan berakhir pada Isnin.

Sebahagian besar langkah yang dipertimbangkan tertumpu pada undang-undang buruh, termasuk perlindungan lebih baik terhadap pemecatan, pembayaran pampasan pemberhentian kerja yang lebih tinggi, penukaran kontrak sementara kepada kontrak tetap dan tanggungjawab sekiranya berlaku kemalangan di tempat kerja.

Referendum kelima berkaitan dengan mempercepatkan proses naturalisasi, yang akan membolehkan warga bukan EU mendapat kewarganegaraan selepas lima tahun menetap di Itali.

Pada masa ini, mereka perlu menunggu sekurang-kurangnya 10 tahun untuk memohon.

Pusat pengundian akan dibuka pada 7 pagi (0500 GMT) Ahad, dengan keputusan dijangka diumumkan selepas undian ditutup pada 3 petang Isnin.

Seramai lebih 51 juta rakyat Itali layak untuk mengundi.

Bagaimanapun, keputusan referendum hanya sah jika sekurang-kurangnya separuh daripada pengundi layak mengambil bahagian.

Banyak daripada 78 referendum yang pernah diadakan di Itali gagal kerana kadar keluar mengundi yang rendah.

Referendum itu dicetuskan oleh kesatuan pekerja dan pembangkang berhaluan kiri.

Gabungan sayap kanan yang diketuai oleh Perdana Menteri Giorgia Meloni di Rom menasihati penyokongnya supaya tidak mengambil bahagian.

Meloni, pemimpin parti Brothers of Italy dan parti pemerintah terbesar, mengetuai gabungan tiga parti konservatif sejak akhir 2022. - ©BERNAMA

# Kilang bateri berbilion dolar henti pembinaan di AS akibat ketidakpastian EV, Tarif

**NEW YORK**, 7 Jun. - Sebuah syarikat Jepun menghentikan pembinaan kilangnya bernilai AS$1.6 bilion di South Carolina yang dijadualkan menghasilkan bateri untuk kenderaan elektrik BMW, berikutan ketidakpastian dasar dan pasaran, lapor Xinhua memetik Associated Press.

Meskipun Automotive Energy Supply Corp. (AESC) tidak menjelaskan secara terperinci isu-isu itu, Gabenor South Carolina daripada Parti Republikan berkata syarikat itu sedang berdepan kemungkinan kehilangan pemotongan cukai persekutuan untuk pembeli kenderaan elektrik, insentif bagi perniagaan EV, serta ketidakpastian tarif yang dilaksanakan oleh pentadbiran Presiden Donald Trump, menurut laporan itu.

"Apa yang kami lakukan adalah menasihatkan agar berhati-hati - biarkan perkara ini berjalan kerana banyak perubahan sedang berlaku," kata Gabenor Henry McMaster.

AESC mengumumkan kerja-kerja pembinaan kilang di Florence digantung.

"Disebabkan ketidakpastian dasar dan pasaran, kami menghentikan sementara pembinaan di fasiliti South Carolina kami pada waktu ini," menurut kenyataan syarikat pada Khamis.

AESC berjanji untuk menyambung semula pembinaan dan berikrar memenuhi komitmen bagi menggaji 1,600 pekerja serta melabur AS$1.6 bilion.

Syarikat itu memaklumkan telah pun melabur AS$1 bilion di kilang Florence.

Syarikat pengeluar bateri berpusat di Jepun itu turut memiliki fasiliti di China, United Kingdom, Perancis, Sepanyol dan Jerman.

Di Amerika Syarikat, AESC mempunyai kilang di Tennessee dan sedang membina satu lagi kilang di Kentucky.

Kenyataan itu tidak menyebut sebarang perubahan bagi fasiliti lain. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI




# FALCONS BERJAYA TUMPASKAN HYDRA



SEBAHAGIAN aksi perlawanan pusingan kedua Liga Bola Jaring Kebangsaan Brunei (BNL) 2025 yang berlangsung di Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam (kiri), manakala gambar kanan, antara yang hadir memberi sokongan.

**TUNGKU LINK**, Ahad, 8 Jun. - Pasukan Falcons berjaya menumpaskan Pasukan Hydra dengan jaringan 45-35 pada pusingan kedua Liga Bola Jaring Kebangsaan Brunei (BNL) 2025 yang berlangsung di Kompleks Sukan Universiti Brunei Darussalam, hari ini.

Suku masa pertama menyaksikan Pasukan Falcons menguasai permainan, dengan 17 jaringan berbalas 3. Namun Pasukan Hydra tidak tinggal diam dan bangkit sehingga berjaya menambah 13 jaringan berbalas 11 pada suku masa kedua.

Pasukan Falcons sekali lagi mendahului permainan dengan jaringan 9 berbalas 7 pada suku masa ketiga manakala Pasukan Hydra berjaya menambah 12 jaringan berbalas 8 pada suku akhir yang menjadikan kutipan jaringan 45 bagi Pasukan Falcons dan 35 untuk Pasukan Hydra.

Sementara itu, pada perlawanan lain pusingan kedua, Pasukan Roses berjaya menundukkan Pasukan Young Bees dengan jaringan 53 berbalas 31, dalam empat set perlawanan, iaitu dengan jaringan 10-7, 16-7, 9-9 dan 18-8 masing-masing dari

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Azmah Haji Ahad**

set pertama hingga set keempat.

Manakala Pasukan Hokage Warriors berjaya menewaskan Pasukan Thundernets dengan jaringan 42 berbalas 36, iaitu dengan jaringan 11-4, 11-9, 11-10 dan 9-13 masing-masing dari set pertama hingga set keempat.

# NBD akan sertai Kejohanan ATF bawah 12 tahun



**Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Tenis Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Sabtu, 7 Jun. - Negara Brunei Darussalam (NBD) akan sertai Kejohanan Antarabangsa Persekutuan Tenis Asia (ATF) Bawah 12 Tahun yang akan berlangsung di Bangkok, Thailand bermula 9 hingga 13 Jun 2025.

Pasukan NBD diketuai oleh Jurulatih Kebangsaan dan Kapten Pasukan Perempuan, Billy Wong dan Naib Presiden Persekutuan Tenis Brunei Darussalam (BDTA), Pengiran Haji Sufferizal bin Pengiran Haji Marzuki.

Ahli-ahli pemain negara terdiri daripada Ang Rui Yen, Dayangku Nur Adrianna Jasmine dan Nikko Wong daripada pasukan perempuan. Manakala pasukan lelaki ialah Joel Lim, Connor Chua dan Rafiq Haji Khairul.

Pertandingan ini akan menyaksikan dua perlawanan perseorangan dan satu perlawanan beregu bagi setiap perlawanan antara pasukan.

Sebagai Ahli ATF, BDTA terus aktif menyertai kejohanan serantau bagi Kategori Bawah 12 Tahun dan Bawah 14 Tahun untuk memberikan pendedahan dan pengalaman pertandingan kepada pemain remaja negara dalam usaha membangunkan sukan tenis di negara ini.

**PASUKAN tenis negara bagi Kategori Bawah 12 Tahun sebelum berlepas ke Bangkok, Thailand untuk menyertai Kejohanan Antarabangsa Persekutuan Tenis Asia (ATF) Bawah 12 Tahun.**